

**Jilid III
Bil. 29**



**Hari Jumaat
15hb Januari, 1982**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3177]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan) [Ruangan 3208]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 3234]

MALAYSIA
PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., B.K.T., P.P.T.**
(Dilantik)
- ” Menteri Tak Berpotfolio, **DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR,**
S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- ” Tuan Timbalan Yang di-Pertua, **JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL**
HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P.,
P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam
Sekitar, **TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Dilantik).**
- ” **TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN TAHIR, S.M.T., B.C.K., P.J.K.**
(Kedah).
- ” **TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K.**
(Dilantik).
- ” **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M.,**
D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- ” **TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).**
- ” **TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).**
- ” **TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).**
- ” **DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N.,**
J.P. (Dilantik).
- ” **TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).**
- ” **TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).**
- ” **TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik).**
- ” **DATO CHIN KIM YOONG (Perak).**
- ” **DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P.**
(Dilantik).
- ” **DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).**
- ” **DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P.**
(Johor).
- ” **TUAN DAIM BIN ZAINUDDIN (Dilantik).**
- ” **TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).**

Yang Berhormat TUAN FADZIL BIN MAHMOOD (Perlis).

- „ DATO HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
- „ DR GAN KONG SENG, P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.J.K., P.P.N. (Trengganu).
- „ DATO SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ DATO' ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ DATO' HAJI ISMAIL BIN HASSAN, D.P.M.J., P.I.S. (Johor).
- „ DATUK JAMES WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ DATO' KAM WOON WAH, D.I.M.P., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ TUAN KENNETH KANYAN ANAK TEMENGGONG KOH (Sarawak).
- „ DATUK KHOO KAY POR (Pulau Pinang).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TUAN LEE JONG KI (Dilantik).
- „ TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ DATO' HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* Philip Meja (Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).

- Yang Berhormat DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN M. MUTHU PALANIAPPAN, A.M.N., P.P.T. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- ” DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- ” TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- ” DATO' G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- ” TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- ” PUAN ROGAYAH ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- ” PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- ” TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- ” TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- ” DATO' SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- ” TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- ” TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- ” TUAN HAJI TUAN YAACOB BIN HAJI ENSKU YUNUS, P.P.N. (Kelantan).
- ” TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- ” TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- ” TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. Bhaskaran Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, 15hb Januari, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

HUBUNGAN MALAYSIA DENGAN
NEGARA-NEGARA
PENGELUAR MINYAK

1. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan sama ada satu hubungan rapat dan lebih dekat telah dibuat dengan negara-negara pengeluar minyak seperti negara-negara Arab berhubung dengan kerja-kerja penyelarasan di dalam perusahaan petroleum dan nyatakan juga sama ada penyelidikan sudah dibuat di seluruh perairan Malaysia bagi mendapatkan telaga minyak yang baharu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, kita sentiasa cuba mengeratkan perhubungan dengan negara-negara yang mempunyai kepentingan bersama dengan kita. Perhubungan yang rapat telah terjalin dengan negara-negara Arab sejak dahulu lagi, sebelum kekurangan minyak menjadi satu masalah. Rakyat negara ini telah, sejak bertahun-tahun, pergi ke Mekah untuk menunaikan fardhu haji dan wakil-wakil negara Arab telah menghadiri pertandingan membaca Al-Quran sejak pertandingan itu bermula. Baru-baru ini sebagaimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat ketahui, D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Agong telah membuat lawatan rasmi ke Kuwait. Oleh itu kita mempunyai pertalian yang erat dengan negara-negara Timur Tengah dan kita

sememangnya akan terus mengambil sebarang langkah yang perlu untuk mengeratkan lagi pertalian ini.

Berhubungan dengan mencari lapangan-lapangan minyak yang baru, PETRONAS sentiasa membuat penyelidikan ke arah penemuan lapangan-lapangan petroleum yang baru. Adalah dijangka PETRONAS akan mempelawa lebih banyak kontraktor untuk mencari gali dan meneroka petroleum di perairan Malaysia di bawah Kontrak Keluaran Bersama.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Saya berasa bangga yang Kerajaan Malaysia kita telah terus menerus mendekatkan perhubungan rapat antara kita dengan negara-negara Arab yang terkenal sebagai tempat minyak dalam dunia ini di samping ada sangkut-pautnya selain daripada ugama persaudaraan itu ialah berkenaan petroleum. Sebab kita ini baru dalam perusahaan petroleum, negeri Arab sudah lama, dia telah buat berapa banyak kajian dan berapa banyak yang kita boleh buat tauladan dan pengajaran bagi meneruskan perusahaan minyak yang penting ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, kalaulah kita kaji sesungguhnya petroleum dalam negara kita ini dan kita membuat penyelidikan, rasa saya mustahil bukan sahaja di Trengganu tetapi kemungkinan di seluruh pekeliling laut Tanah Melayu kita ini mempunyai bahan-bahan petroleum yang sangat-sangat berguna bagi faedah negara kita pada masa yang akan datang. Sebab itu apabila pertanyaan ditanya adakah penyelidikan menyeluruh telah dibuat oleh Kementerian yang berkenaan. Saya suka bertanya, pada pendapat saya penyelidikan menyeluruh ini masih belum dijalankan padahal pada pandangan saya sesungguhnya

kemantapan ekonomi Malaysia pada masa akan datang yang pertama adalah bergantung kepada petroleum dalam negara kita ini. Sebagai juga negara Arab yang boleh mengganggu-gugat Amerika misalnya dengan kekuatan minyak dia, bukan sahaja negeri Amerika yang kaya tetapi negara-negara lain yang besar dalam dunia ini juga hampir-hampir tunduk kepada negara yang mempunyai minyak kerana industri-industri di seluruh dunia. Sebab itu amatlah besar kajian petroleum ini yang sebenarnya guna dan mustahaknya kita buat penyelidikan agar kita dapat menambah tahap Malaysia benar-benar sebagai sebuah negara minyak yang kaya dalam masa beberapa tahun yang ke hadapan.

Saya suka menggariskan, Tuan Yang di-Pertua, dalam tahap DEB tahun 1990 kalau dapat dicari gali minyak kita di keliling laut kita Malaysia ini, saya yakin kita boleh menjangkau pada tahun masihi 2025, dalam masa 25 tahun akan datang negara kita mempunyai satu lagi ketahapan ekonomi yang paling kuat, rasa saya kalau tidak pun boleh mengalahkan negeri Jepun. Tetapi saya yakin kalau benar-benar kita dapat petroleum secara menyeluruh dalam negara kita ini, saya yakin dalam 25 tahun lagi tahap ekonomi negara kita sama tarafnya dengan negara Jepun sendiri.

Sebab itu, saya bertanya bolehkah Kementerian yang berkenaan memberi jawapan penyelidikan petroleum di laut sekitar Malaysia kita ini boleh dibuat dalam masa 5 tahun daripada sekarang supaya kita dapat mencambahkan lagi hasil-hasil minyak dalam negara kita ini.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, penyelidikan memanglah secara keseluruhan dan kita akan mengambil masa seberapa singkat untuk menyelidik dalam kawasan-kawasan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tan Sri Dato' Haji Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya pernah bertanya masalah ini dahulu dan juga Menteri Besar Pahang telah membuat kenyataan akhbar bahawa beliau akan berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi memohon sekiranya

laut Pahang disiasat cari gali minyak ini. Jadi, sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mengulangi pertanyaan saya. Soalan tambahannya begini. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh membuat jaminan bahawa laut Pahanglah akan disiasat dahulu untuk cari gali minyak ini bagi membolehkan sumber yang baru dapat bagi negeri Pahang, kerana pada hemat saya, boleh jadi Kerajaan menggali semula di tempat yang lama dan tidak dibuat di tempat yang baru. Dengan sebab itu saya mengemukakan soalan tambahan saya, bolehkah Kerajaan memberi jaminan bahawa laut Pahanglah akan dimulakan siasatan dahulu untuk cari gali minyak ini.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberi perhatian di atas yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Soalan tambahan. Pertanyaan yang ditanya oleh saudara saya ini berkenaan dengan pendekatan oleh Malaysia dengan negara-negara pengeluar minyak. Pertanyaan saya ini ialah berkenaan dengan masuknya atau cadangan Malaysia memasuki negara-negara OPEC. Adakah syarat-syarat untuk memasuki OPEC itu telah ada kepada negara Malaysia di dalam bahagian minyak. Kalau sekiranya Malaysia sudah mencapai taraf boleh memasuki OPEC maka adakah Malaysia bercadang hendak memasuki OPEC dan kalau bercadang, bilakah dan apakah keuntungan memasuki OPEC itu dan kerugiannya kepada Malaysia.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Menjawab soalan tambahan ini, negara Malaysia tidak bercadang buat masa ini untuk memasuki OPEC.

PETRONAS—KEUNTUNGAN EKSPORT MINYAK

2. Tuan Alexander Y. L. Lee minta Perdana Menteri menyatakan apakah PETRONAS lakukan dengan keuntungan-keuntungan yang begitu banyak dan apakah mereka akan membawa wang itu kembali ke negara ini.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, semua pendapatan PETRONAS dari eksport minyak telahpun dibawa balik ke Malaysia sebagaimana yang telah dilakukan semenjak pertengahan tahun 1978 lagi. Pelaburan luar negeri PETRONAS merupakan sebahagian kecil sahaja dari rezab tunai PETRONAS kerana kebanyakan dari rezab tunai ini telahpun dilaburkan di dalam negeri.

Pelaburan luar negeri ini dibuat untuk memenuhi keperluan kewangan PETRONAS untuk projek-projek pembangunannya.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Soalan tambahan. Berkenaan dengan PETRONAS ini, saya ingin tahu, apakah pelaburan yang dilabur di luar negeri, sedikit sebanyak, atas keuntungan itu tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sebahagiannya ialah fixed deposit dan yang lain-lain lagi kepentingan strategi PETRONAS, saya tidaklah bersedia buat masa ini untuk memberitahu.

Dr Choo Kooi Fook: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon bertanya, apakah pelaburan yang PETRONAS telah melabur di dalam negeri kita. Saya harap Timbalan Menteri boleh memberi seberapa contoh yang telah dilaburkan dalam negeri kita.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf juga, bagi kepentingan masa depan pelaburan PETRONAS, saya juga tidak bercadang hendak menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu.

KEDUTAAN MALAYSIA—BEKALAN RISALAH/AKHBAR/PENERBANGAN

3. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada kedutaan-kedutaan kita di luar negeri ada dibekalkan risalah-risalah serta penerangan dan akhbar-akhbar kita bagi memberi penerangan yang meluas mengenai negeri kita yang sebenar oleh kerana kita tidak mahu adanya lagi peristiwa orang-orang Malaysia tinggal di atas pokok sebagaimana yang terkandung dalam penerbitan sebuah

encyclopaedia keluaran Amerika baru-baru ini.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negeri sentiasa dibekalkan dengan berbagai risalah, akhbar-akhbar, penerbitan-penerbitan dan makalah-makalah yang meliputi keseluruhan maklumat yang harus diketahui oleh perwakilan-perwakilan mengenai keadaan tanahair. Bahan-bahan penerangan yang dikirimkan ke perwakilan-perwakilan Malaysia di seberang laut itu adalah mencukupi untuk diedarkan kepada orang awam dan juga bagi pengetahuan kemas kini pegawai-pegawai di perwakilan-perwakilan kita mengenai peristiwa semasa dalam semua aspek.

Bahagian Penerangan Luar Negeri di Kementerian Luar Negeri sentiasa membekalkan bahan-bahan penerangan yang penting kepada perwakilan-perwakilan Malaysia kita. Ketua-ketua perwakilan kita sentiasa mengambil bahagian dengan menyampaikan ucapan-ucapan di perhimpunan-perhimpunan yang dianjurkan oleh badan-badan kebajikan, institusi-institusi pelajaran, kebudayaan dan penuntut-penuntut Malaysia. Turut memberi ceramah-ceramah ialah pegawai-pegawai kedutaan seperti Pegawai Penerangan dan lain-lain. Tegasnya perwakilan-perwakilan Malaysia setakat ini dapat menjalankan tugas dengan baik hasil dari maklumat-maklumat dan penerangan yang tepat diberikan dari semasa ke semasa.

Berhubung dengan peristiwa orang-orang Malaysia tinggal di atas pokok, Kementerian Luar telah dengan segera berhubung dengan Washington dan wakil penerbitan itu datang ke Kuala Lumpur bagi membetulkan kesilapan itu serta meminta maaf di atas apa yang terjadi.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan, dalam perkara akhbar-akhbar dan majalah-majalah, kata Timbalan Menteri yang berkenaan tadi memang ada dihantar ke kedutaan-kedutaan kita di luar negeri. Itu saya percaya, memang

betul ada dihantar. Tetapi kebanyakan yang saya tahu akhbar-akhbar dan majalah-majalah yang dihantar ke Kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri ini terlalu lambat walaupun ada kapal terbang yang hari-hari sampai ke London, ke Jepun dan sebagainya tetapi selalunya, biasanya diamalkan oleh Kementerian Luar Negeri menghantar seminggu sekali. Jadi Kedutaan kita di luar negeri ini lambat dapat berita-berita itu dari tanahair.

Jadi, bolehkah tidak pihak Timbalan Menteri yang berkenaan mengatasi masalah ini supaya dapat dihantarkan segala majalah-majalah dan akhbar-akhbar daripada Malaysia ini dihantar kalau boleh hantar hari-hari terus kepada negeri-negeri yang ada kapal terbang sampai pada tiap-tiap hari ke negeri tersebut. Bolehkah atau tidak? Kalau boleh, kenapa tidak dibuat. Perkara ini saya ingat paling mustahak sekali.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada akhbar-akhbar dan majalah-majalah, Kedutaan-kedutaan kita juga dibekalkan dengan berita-berita melalui telex. Bagaimanapun, pandangan Yang Berhormat Senator itu akan diambil ingatan.

Puan Rahmah binti Othman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan, izinkan saya memberikan pandangan sedikit. Sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' tadi penghantaran majalah-majalah ataupun berita-berita ini kepada Kedutaan-kedutaan kita kadang-kadang sampai tinggal di Kedutaan-kedutaan itu tanpa disebarikan seperti mana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kepada masyarakat umum. Saya hendak beri satu misalan. Baharu-baharu ini saya berpeluang mengikuti satu persidangan CPA yang dibuat di Cook Islands. Apakala saya sampai ke sana saya katakan saya tidaklah makan makanan yang haram kerana saya seorang Islam. Ditanya dalam bahasa Inggeris, dengan izin, "What is Islam?" Mungkin agaknya dia tidak faham Islam itu sebagai agama, maka saya sebutkan saya ini orang Muslim. Bila saya sebut Muslim, "Oh! katanya dalam bahasa Inggeris, dengan izin, "You must be an Arab?" Tentulah sukar bagi saya hendak mengatakan saya ini orang

Malaysia kerana satu lagi pula penerangan saya hendak bagi mungkin kerana hendak menunjukkan peta dan sebagainya.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri terutama sekali adakah semua Kedutaan-kedutaan kita, Perwakilan-perwakilan kita di luar negeri ini diadakan Bahagian Penerangan ataupun Attache Penerangan, Attache Akhbar dan kalau ada Attache-attache ini apakah fungsi mereka ini, adakah untuk menyediakan ucapan-ucapan, menghadiri cocktail-cocktail yang ada setiap hari ataupun peranannya mengenalkan negeri kita kepada masyarakat yang negara kita ada Perwakilan?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, jawabnya ada. Dan kerja Bahagian Penerangan ini ialah untuk memberi penerangan termasuklah memperkenalkan negara kita ke dunia luar.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan lagi, Tuan Yang di-Pertua. Baharu-baharu ini saya ada membaca di dalam suratkhbar mengatakan akhbar-akhbar yang sampai di Kedutaan kita di luar negeri kebanyakannya ialah suratkhbar bukan dalam Bahasa Kebangsaan iaitulah suratkhbar *The New Straits Times* dan sebagainya tetapi katanya suratkhbar umpama *Utusan Melayu*, *Utusan Malaysia* tidak ada. Saya jadi, tumpang bertanya kepada pihak Kementerian, dia sudah tahu Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri ini mustahak dibekalkan suratkhbar-suratkhbar kebangsaan seperti *Utusan Melayu* dan sebagainya, kenapakah suratkhbar-suratkhbar seumpamanya ini tidak dihantar kepada Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri?

Yang keduanya, ada kala katanya Kedutaan sendiri berhubung dengan suratkhbar di tanah air kita, bukannya daripada Wisma Putra yang menghantarnya. Jadi, saya juga berasa pelik. Macam mana kalau sekiranya Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri tidak dihantar oleh pihak Kementerian Luar Negeri khasnya Wisma Putra, suratkhbar yang dipilih lebih-lebih lagi yang berdasarkan kebangsaan supaya

Kedutaan kita luar negeri itu faham apa yang berlaku di tanah air dan dapat mereka itu mengikuti perkembangannya kerana berita-berita dan makalah-makalah tersebut di dalam dua suratkhbar ini berlainan sekali. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan kalau betul sebagaimana yang saya katakan tadi, apakah sebabnya berlaku begitu?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya ketahui akhbar-akhbar *Utusan Melayu* ada dihantar ke Kedutaan-kedutaan kita. Bagaimanapun, jika ada juga Kedutaan-kedutaan yang tidak menerima bolehlah saya menyasat perkara ini dan memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat.

MINYAK MENTAH— LEBIHAN PENGELUARAN

4. Tuan Alexander. Y. L. Lee minta Perdana Menteri menyatakan adakah lebih minyak mentah yang baru ini mempengaruhi pengeluaran minyak diperingkat pengeluaran minyak semasa jika dibanding dengan pengeluaran pada awal tahun.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, lebih minyak mentah di dunia baru-baru ini telah sedikit sebanyak mempengaruhi pengeluaran minyak mentah kita. Pengeluaran purata bagi tahun 1981 adalah dianggarkan berjumlah 260,000 tong sehari berbanding dengan anggaran 270,000 tong sehari pada awal tahun itu. Namun demikian pengurangan yang dilakukan bukanlah semata-mata disebabkan oleh lebih minyak mentah di pasaran dunia tetapi sebagai satu langkah untuk memanjangkan lagi jangkamasa pengeluaran minyak negara sejajar dengan pelaksanaan Dasar Penjimatan Minyak Negara (National Oil Depletion Policy).

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa kasihan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ini, dia menjawab bagi pihak beberapa orang Menteri. Saya juga hendak bertanya Menteri-menteri kita banyak yang sudah uzurkah, yang saya tahu Yang Berhormat Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie sahaja. Saya perhatikan daripada awal mesyuarat hingga

sekarang; maafkan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan menegur Yang Berhormat Menteri kerana banyak ketua-ketua—leaders tetapi dalam Dewan ini harus diperingatkan, demi keutuhan bangsa, demi keutuhan rakyat saya rasa sama bertanggungjawab tidak menghampakan kehendak-kehendak negara dan bangsa kita. Sebab itu kepada Yang Berhormat Menteri-menteri saya memohonlah bagi pihak Dewan agar melapangkan masa terutama bapak-bapak Menteri kita yang nampaknya sekarang ini tempat-tempat duduknya kosong. Jadi, kami Ahli Dewan ini selalu bertanya, mujur jugalah Yang Berhormat Timbalan-timbalan Menteri banyak yang ada. Jadi saya kasihan juga yang Berhormat Timbalan Menteri ini dialah yang menjawab beberapa banyak hal sebab itu saya takut juga hendak soal, takut dia terduduk di terlalu letih.

Berbalik fasal minyak, tahun 1981 260,000 tong sehari berbanding dengan 270,000 tong sehari sebelum itu kita keluarkan, maknanya negara kita kalau kira terlalu sedikit benar percennya sekarang. Minyak kita terlalu sedikit dikeluarkan tetapi jawab Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana kepentingan masa depan negara. Saya hendak bertanya, demi pembangunan yang memerlukan garis-garis kewangan negara, garis-garis pemantapan dan kekuatan mohor kita, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, 270,000 tong keluarannya tetapi dipotong hanya 260,000 tong sahaja sehari tidakkah ini mengikut kira bicara keluaran masuk kewangan negeri ini terlalu sedikit dan merosakkan keadaan yang tidak begitu seimbang.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya terangkan tadi kita kurangkan pengeluaran daripada 270,000 kepada 260,000 tong sehari berasaskan kepada beberapa faktor dan ini termasuklah satu faktornya untuk melaksanakan dasar penjimatan minyak negara (national oil depletion policy) dan tentang soal kewangan itu kita ada dari punca-punca lain untuk membiayai rancangan-rancangan pembangunan kita.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu sedikit sebanyak perkara oil conservation

policy ataupun menjimatkan tenaga minyak di negara kita dengan kurang penerbitan minyak. Sama ada Kementerian telah mengkaji bahawa pada satu hari sumber-sumber baru seperti solar energy ataupun apa-apa lagi sumber baru yang dapat dikeluarkan, akan memberi akibat kepada minyak yang kita simpan ini tidak berguna lagi ataupun tidak boleh dijual lagi.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, boleh ulang lagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Pertanyaan saya, Tuan Yang di-Pertua, dengan ringkas. Sama ada Kementerian telah mengkaji sama ada jika sumber-sumber baru seperti solar energy akan digunakan minyak yang kita jimatkan pada masa ini tidak boleh dijual lagi pada masa hadapan, sama ada kajian telah dibuat.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Jawapannya ada dalam kajian.

PEGAWAI IMIGERESEN DARI KAUM INDIA

5. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar terdapat hanya seorang pegawai sahaja dari kaum India di Jabatan Imigeresen di Kuala Lumpur dan, jika sedar sama ada beliau akan menimbangkan untuk menambahkan jumlah bilangannya.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar dakwaan Ahli Yang Berhormat itu yang menyatakan hanya terdapat seorang sahaja Pegawai Imigeresen dari kaum India yang bertugas di Pejabat Imigeresen, Kuala Lumpur. Sebenarnya ada seramai 18 orang pegawai dari kaum India yang sedang berkhidmat di Pejabat Imigeresen, Kuala Lumpur pada masa sekarang.

RANCANGAN LATIHAN KEMENTERIAN KESIHATAN

6. Puan Rahmah binti Othman minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah rancangan latihan yang disediakan oleh Kementerian

beliau untuk masa 5 tahun yang akan datang bagi menentukan bahawa kekosongan jawatan dalam semua jawatan dapat diatasi.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan mempunyai rancangan latihan yang komprehensif bagi jangka masa 5 tahun yang akan datang. Dengan itu adalah diharapkan bahawa jawatan-jawatan yang kosong dapat dipenuhi selaras dengan perkembangan perkhidmatan kesihatan di negara kita. Rancangan latihan yang dijalankan adalah dibahagikan kepada 3 jenis latihan:

- (i) Latihan asas atau latihan pra-perkhidmatan untuk kumpulan para-medik dan auxiliari;
- (ii) Latihan lanjutan untuk semua peringkat tenaga manusia kesihatan; dan
- (iii) Latihan terusan untuk mengemaskini dan meninggikan lagi pengetahuan bagi semua peringkat tenaga manusia kesihatan.

Walau bagaimanapun, bukan semua jawatan di Kementerian Kesihatan diisi melalui rancangan latihan Kementerian sendiri. Pengisian jawatan-jawatan professional seperti Pegawai Perubatan adalah bergantung kepada pengeluaran dari Universiti-universiti tempatan dan luar negeri. Begitu juga dengan beberapa jenis jawatan lain yang diisi melalui urusan pengambilan biasa ataupun diisikan oleh agensi-agensi yang mengawal perkhidmatan kakitangan-kakitangan itu.

Sungguhpun demikian, Kementerian adalah sentiasa mengkaji keperluan tenaga pekerja tiap-tiap tahun dengan tujuan supaya dapat membekalkan perkhidmatan kesihatan yang cukup dan sempurna kepada rakyat.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah bermakna jawapan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan rancangan 5 tahun itu ada dibuat, maknanya sampai 5 tahun segala jawatan-jawatan yang kosong di Jabatan Kesihatan itu dapat dipenuhi kesemuanya ataupun tidak dapat dipenuhi. Itu yang saya hendak tanyakan.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, soal itu adalah rumit untuk dijawabkan dengan penuhnya tetapi saya dapat mengatakan di sini bahawa rancangan latihan Kementerian sendiri dengan peluang-peluang latihan di luar negeri dapat memenuhi dengan sepenuhnya jawatan-jawatan paramedik dan auksiliari. Di peringkat pegawai perubatan mungkin kita masih akan menghadapi kerumitan sedikit untuk mengisi semua jawatan yang kita ingin berada dalam perkhidmatan perubatan kita tetapi keadaan dalam masa 5 tahun akan meningkat baik daripada apa yang kita menghadapi pada masa ini.

KERETA SEWA/TEKSI BERUMUR 5 TAHUN

7. Tuan Haji Tuan Yaacob bin Haji Engku Yunus minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa arahan Jabatan Pengangkutan Jalan yang terbaharu membebaskan tuan-tuan punya kereta sewa, kerana kereta-kereta lebih dari 5 tahun tidak dibenarkan membawa penumpang, dan jika sedar nyatakan bagaimana tuan-tuan punya kereta hendak menjelaskan bayaran harga kereta yang dibeli serta lain-lain bayaran yang berkaitan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak sedar bahawa Jabatan Pengangkutan Jalan telah mengeluarkan arahan supaya kenderaan yang umurnya lebih dari 5 tahun tidak dibenarkan membawa penumpang. Apa yang telah dikeluarkan ialah arahan bahawa penggantian atau pelesenan baru bagi teksi dan kereta sewa adalah dihadkan kepada kereta yang berumur 5 tahun dan ke bawah saja. Walau bagaimanapun, peraturan ini telah dikaji semula dan mulai 12hb November, 1981 kereta-kereta yang umurnya melebihi 5 tahun tetapi tiada melebihi 12 tahun boleh juga dipertimbangkan untuk penggantian atau pelesenan baru sebagai sebuah teksi atau kereta sewa dengan syarat keadaan mekanikal kenderaan tersebut didapati memuaskan dan tiada merbahaya digunakan di jalanraya.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah pindaan yang baru

diisytiharkan itu meliputi kepada lori atau juga lori pengangkutan kayu-kayu balak?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, itu tidak termasuk, ini hanya dihadkan kepada kereta sewa dan teksi sahaja.

PADANG PERMAINAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN

8. Tuan S. Subramaniam minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan langkah-langkah Kerajaan akan ambil untuk menambah padang-padang permainan dalam Wilayah Persekutuan memandangkan padang-padang permainan di Kuala Lumpur pada masa sekarang tidak mencukupi.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Idris bin Abdul Rauf): Tuan Yang di-Pertua, pada asasnya padang-padang permainan dalam Wilayah Persekutuan adalah diberi keutamaan kepada kawasan-kawasan yang tidak terlibat dengan projek pembangunan. Objektif utama Kementerian Wilayah Persekutuan dalam menyediakan padang-padang permainan ialah untuk tujuan rekreasi, oleh yang demikian, tumpuan sepenuhnya diberikan kepada kawasan-kawasan dalam taman. Sebagai contoh di Taman Tititwangsa, Dewan Bandaraya telahpun membina 10 buah gelanggang tenis dan 3 buah gelanggang sepak takraw, 3 buah padang permainan lagi akan dibina di situ iaitu 2 buah padang bola dan sebuah lagi untuk berbagai kegunaan. Sebuah gelanggang sepak takraw juga telah dibina di Kompleks Sukan, Bangsar. Selain daripada itu Dewan Bandaraya juga telah membina taman kanak-kanak, taman-taman perumahan di mana pihak pemaju tidak menyediakan kemudahan tersebut.

BUKU LUCAH UNSUR KEBUDAYAAN KUNING

9. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(a) langkah-langkah yang sedang diambil untuk mencegah pengeluaran buku-buku lucah atau kebudayaan kuning dari merebak secara berleluasa di kalangan penuntut seperti yang dilaporkan di Kuala Lumpur dan

Petaling Jaya baru-baru ini dan nyatakan mana puncanya itu; dan

- (b) jumlah mereka yang menyebarkan bahan-bahan lucah yang telah ditangkap dan dihukum dalam tahun 1979, 1980 dan 1981.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Abdul Rahim bin Dato' Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan sedar bahawa terdapat buku-buku lucah dan buku-buku yang mengandungi unsur-unsur kebudayaan kuning yang diseludup ke negara ini yang diedarkan di kalangan masyarakat termasuk di kalangan murid-murid sekolah. Di kalangan murid-murid sekolah sebanyak 7 kes pendedaran penerbitan lucah dan kebudayaan kuning telah dikesan di beberapa buah sekolah di sekitar Petaling Jaya di antara bulan April dan bulan Julai, 1981. Bagi mengelakkan pendedaran buku-buku lucah dan buku-buku yang mengandungi kebudayaan kuning di kalangan orang ramai termasuk golongan pelajar tindakan-tindakan berikut telah, sedang dan akan diambil. Pertamanya pihak Polis akan terus mengadakan serbuan-serbuan dan penyiasatan yang berterusan terhadap tempat-tempat penjualan buku.

Yang kedua, pihak Penerbitan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan kerjasama pihak Kastam akan terus meningkatkan pengawasan terhadap pusat-pusat kemasukan terutamanya di lapanganterbang, di pelabuhan-pelabuhan dan juga di kawasan-kawasan sempadan bagi mengesan sebarang penyeludupan buku-buku lucah ataupun buku-buku yang mengandungi kebudayaan kuning.

Yang ketiga, dengan kerjasama pihak Pejabat Pos, usaha-usaha juga dibuat bagi mengesan kemasukan buku-buku jenis ini.

Yang keempat, manakala di sekolah-sekolah pula pihak pentadbiran sekolah sentiasa meneliti gejala-gejala yang tidak diingini ini agar ianya tidak menjejaskan prestasi pelajar-pelajar. Sekiranya manamana pelajar didapati bersalah dalam perkara ini tindakan disiplin akan diambil kepada mereka yang berkenaan.

Adalah diharapkan dengan tindakan-tindakan ini serta kerjasama dari semua pihak

dan masyarakat umum kegiatan pendedaran buku-buku lucah yang mengandungi unsur-unsur kebudayaan kuning ini akan dapat dibendung demi kepentingan masyarakat pada keseluruhannya termasuk golongan pelajar.

Bagi soalan kedua, jumlah mereka yang telah menyebarkan bahan-bahan lucah yang telah ditangkap oleh Polis dan telah dihadapkan ke mahkamah adalah seperti berikut:

	<i>Tahun</i>	<i>Kes</i>
1979	2
1980	Tiada
1981	51

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Soalan tambahan. Terima kasih, kepada Timbalan Menteri yang telah menjawab tadi Kerajaan sudah sedar, sekarang apa yang saya hendak tanyakan jika sudah Kerajaan sedar, tidaklah boleh dirampas lesen pekedai-pekedai yang menjual buku-buku lucah, apa lagi gambar-gambar yang lucah yang paling dahsyat.

Tuan Abdul Rahim bin Dato' Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan daripada buku-buku yang dikesan itu adalah buku-buku yang diseludupkan ke dalam negara kita. Saya suka memberi jaminan di sini, sekiranya terdapat penglibatan yang secara langsung oleh pencetak-pencetak di dalam negara ini, Kementerian Dalam Negeri tidak akan teragak-agak mengambil tindakan yang tegas.

LUTH—PROJEK PERUMAHAN KOS RENDAH

10. Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan bahawa kegiatan-kegiatan Lembaga Urusan dan Tabung Haji yang menggalakkan umat Islam di negara ini menyimpan wang bukan sahaja untuk menunaikan fardu haji tetapi juga menggalakkan mereka terus menyimpan wang walaupun selepas menunaikan fardu haji dan hasilnya mengukuhkan lagi kedudukan LUTH dan juga kegiatan-kegiatan mengambail bahagian di dalam berbagai projek pembukaan tanah ladang

kelapa sawit dan getah di samping penceburannya dalam bidang kegiatan pembangunan negara yang lain, adakah LUTH bercadang untuk mengambil bahagian dalam projek perumahan kos rendah dan sederhana dengan tujuan dijual kepada ahli-ahlinya dan jika ya, bilakah rancangan ini akan dimulakan, dan jika tidak, mengapa.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, suka saya maklumkan bahawa LUTH ada rancangan melabur di dalam bidang projek perumahan untuk menyimpan-penyimpannya dan juga orang-orang lain.

Pada 31hb Oktober, 1980 Lembaga Haji telah menubuhkan sebuah anak syarikat iaitu Syarikat Pembinaan dan Perumahan Tabung Haji Sendirian Berhad dengan tujuan supaya dibina rumah kos rendah, sederhana dan tinggi yang akan dijual kelak. Rancangan syarikat tersebut yang pertama ialah di satu kawasan 51 ekar di Bukit Tinggi, Alor Star, Kedah. Pada masa ini kerja-kerja meratakan tanah dan mengadakan kemudahan-kemudahan perumahan diuruskan. Rumah-rumah dijangkakan akan mula dibina pada pertengahan tahun 1982 ini dan sementara itu syarikat tersebut sedang mencari tanah-tanah yang sesuai di tempat-tempat yang lain di dalam Malaysia untuk tujuan yang sama.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Soalan tambahan. Terima kasih di atas jawapan itu dan terima kasih kepada LUTH yang berusaha ke arah itu. Saya ingin menambah 2 pertanyaan lagi. Pertama, berhubung dengan rumah murah ini. Rancangan-rancangan yang dibuat oleh LUTH daripada wang-wang simpanan orang-orang Islam yang hendak menunaikan fardhu haji telah diubah kepada membuat ladang-ladang kelapa sawit yang tentu ini tidak secara direct menguntungkan kepada penyimpan-penyimpan wang tetapi rancangan yang kedua yang mula dibuat ini berkenaan dengan perumahan. Ini adalah menguntungkan kepada penyimpan-penyimpan itu sendiri tetapi nampaknya pihak LUTH membuat itu dengan jalan berhanti-hati cuma dipilih satu negeri macam Kedah sahaja. Saya tidak tahu apakah motifnya dipilih negeri Kedah, pada hal orang yang menyimpan wang di dalam Lembaga Urusan dan Tabung Haji itu adalah

14 buah negeri dalam Malaysia—15 termasuk Wilayah Persekutuan. Jadi kesemua sekali penyimpan-penyimpan ini adalah mereka itu berhajat kepada rumah—mereka itu laparkan rumah. Bolehkah atau tidak pihak Kementerian memberi akuan, jaminan bahawa dengan seberapa cepat mungkin projek-projek yang lain akan dibekukan tetapi projek perumahan ini akan diutamakan, kerana ia menguntungkan kepada penyimpan-penyimpan itu sendiri pada masa yang akan datang, tak usahlah membuat projek-projek membuka ladang-ladang kelapa sawit ataupun getah tetapi kita mahu dengar pada masa yang akan datang projek-projek membuat rumah murah kepada penyimpan-penyimpannya.

Yang kedua, adakah pada masa yang akan datang pihak Kementerian memikirkan oleh kerana zakat ini adalah satu daripada rukun Islam yang lima, maka orang-orang Islam yang mengeluarkan zakat, mereka telah dihapuskan daripada membayar cukai pendapatan sekadar nilai zakat yang dibayar itu. Jadi pada masa yang akan datang bolehkah atau tidak orang-orang yang mengerjakan haji itu sendiri, yang tabung haji ditubuhkan, tujuannya menyimpan wang dalam LUTH ini ialah kerana menggalakkan umat Islam di negara ini menunaikan fardhu haji—tujuannya, maka bolehkah pada masa akan datang ataupun adakah cadangan pada masa yang akan datang orang-orang yang akan mengerjakan haji ini sebagaimana yang telah ditetapkan oleh LUTH bayarannya sekarang \$5,000 seorang. Bolehkah wang \$5,000 ini dikecualikan daripada cukai pendapatan ataupun dipotong daripada cukai pendapatan sebagaimana yang dipotong daripada sumbangan wang zakat, kerana dia juga daripada rukun Islam yang lima. Bolehkah dibuat atau adakah cadangan seumpama itu akan dibuat pada masa yang akan datang?

Dato' Haji Mohamad bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan Ahli Yang Berhormat itu. Lembaga Urusan dan Tabung Haji memang telah menjalankan satu rancangan menanam kelapa sawit yang pada hari ini telah menunjukkan keuntungan yang banyak yang kita dapat daripada ladang kelapa sawit ini dan dividen telahpun diberi

kepada penyimpan-penyimpan yang melabur dalam rancangan ini.

Berhubung dengan perumahan bagi ahli-ahli atau bakal-bakal haji yang menyimpan wang dalam Tabung Haji, memang Tabung Haji sedar bahawa projek perumahan ini adalah satu perkara yang perlu diberi keutamaan kepada penyimpan-penyimpan wang. Sekiranya keadaan-keadaan dan tanah-tanah boleh didapati dengan mudah di mana-mana sahaja. Projek yang pertama yang telah diusahakan oleh Tabung Haji iaitu di negeri Kedah. Jika kita memandang dari segi Islam memang Tabung Haji sedar bahawa projek perumahan adalah satu kewajipan Kerajaan yang boleh dipohon dan boleh diminta oleh rakyat, tetapi kalau berhubung dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji penyimpan-penyimpan yang ada deposit untuk hendak menunaikan haji itulah yang berhak mendapat rumah.

Pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji sedang giat mencari tanah-tanah yang boleh dijalankan projek perumahan tidak sahaja di negeri Kedah, tetapi juga di negeri-negeri lain. Soalnya apa yang ada di tangan Lembaga Urusan dan Tabung Haji itu komitmen yang banyak berkenaan dengan urusan-urusan lain, tetapi walau bagaimanapun, saya sukalah menegaskan di sini bahawa pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji selain daripada menjalankan projek-projek bangunan dan sebagainya, kita akan mengambil perhatian di dalam soal projek perumahan murah kerana ini adalah satu kewajipan.

Berhubung dengan wang yang disimpan di dalam Lembaga Urusan dan Tabung Haji oleh bakal-bakal haji biasanya, wang yang disimpan itu lazimnya tak sampai setahun, oleh sebab itu tidaklah pihak Income Tax boleh mengambil Income Tax atau cukai pendapatan daripada wang yang disimpan itu.

Berhubung dengan zakat, Lembaga Urusan dan Tabung Haji mengeluarkan zakat daripada semua simpanan wang yang mendapat keuntungan dan sebagainya bagi pihak orang-orang yang menyimpan wang di dalam Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini.

Soal zakat hendak dipergunakan untuk menunaikan fardhu haji ini adalah masalah lain, dalam ugama Islam iaitu zakat adalah

satu ibadat khas yang harus diberi kepada orang yang lapan, termasuk Imam, Shafie. Kalau mengikut Mazhab Hanafi apa sahalah yang timbul, yang wujud pada masa itu bolehlah dikeluarkan zakat $2\frac{1}{2}\%$ kepada wang itu. Jadi dari pandangan Islam zakat adalah masalah lain, menunaikan fardhu haji adalah masalah lain, kedua-duanya adalah dua kewajipan yang diwajibkan oleh Tuhan kepada orang-orang Islam.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri itu ada sedikit kesamaran. Saya minta sebanyak maaf. Tentang Tabung Haji mengeluarkan zakat bagi pihak penyimpan-penyimpan itu betul, itu adalah yang sebenarnya. Tetapi penyimpan-penyimpan yang menyimpan wangnya itu dan mengeluarkan zakat maka pihak income tax atau pihak cukai pendapatan telah mengecualikan cukai pendapatan sebanyak mana zakat yang dikeluarkan, itu bahasan soalan saya. Orang-orang yang mengeluarkan zakat sama ada menerusi Tabung Haji ataupun tidak, jadi jumlah yang mereka keluarkan zakat itu mereka adalah dipotong daripada cukai pendapatnya, itu soalan saya. Jadi orang-orang yang pergi menunaikan fardhu haji katakanlah belanjanya \$5,000 kenapa tidak boleh dipotong daripada cukai pendapatan, jika dia kena bayar \$10,000 cukai pendapatannya, dia sudah belanja \$5,000 kerana pergi haji, dia patut bayar \$5,000 sahaja kerana dibandingkan dengan zakat yang dia patut bayar \$10,000 tetapi kerana dia sudah bayar zakat \$5,000 maka cukai pendapatannya \$5,000 sahaja, kedua-duanya adalah daripada Rukun Islam, itu pertanyaan saya.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah diuluskan oleh undang-undang iaitu zakat bagi perniagaan ataupun apa sahaja zakat daripada seseorang telah dibenarkan oleh Kerajaan dipotong daripada income tax sebanyak $2\frac{1}{2}\%$.

Berhubung dengan wang simpanan dalam Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini belum lagi diambil sesuatu tindakan oleh pihak Jabatan Income Tax untuk memotong wang yang disimpan sebanyak \$5,000 dalam

Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Buat masa ini belum ada lagi apa-apa tindakan diambil. Mungkin kalau perkara ini dikemukakan harus Kerajaan boleh membincangkan masalah ini.

SEKOLAH BERASRAMA PENUH

11. Dato' Yap Peng minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau akan mengkaji untuk menubuhkan sekolah berasrama penuh (comprehensive boarding school) terutama sekali di bandar-bandar seperti yang didapati di negara-negara maju untuk memberi pelajar-pelajar peluang untuk belajar secara lebih intensif.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedang merancang menubuhkan 10 buah sekolah berasrama penuh di dalam Rancangan Malaysia yang Keempat. Sekolah-sekolah ini akan diadakan di negeri-negeri seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Sekolah Berasrama Penuh</i>
Kedah	1
Perak	1
Selangor	2
Johor	1
Kelantan	1
Melaka	1
Sabah	1
Sarawak	2

Kesemua sekolah ini memerlukan kawasan seluas 50 ekar. Sekolah berasrama penuh kita bertujuan untuk memberi pelajaran dan pembelajaran terutama dalam bidang sains kepada pelajar-pelajar terutama dari luar bandar dan akan ditempatkan di kawasan yang sesuai dan mempunyai kemudahan asas seperti pengangkutan, bekalan air dan elektrik dan tidak semestinya di bandar-bandar besar sahaja.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya tiap-tiap sebuah sekolahnya itu berapa dianggarkan muridnya.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, ini bergantung kepada tempat masing-masing seperti di negeri Sarawak barangkali keupayaan (capacity) sekolah-sekolah di sana iaitu sekolah-sekolah bantuan penuh kita akan dapat membesarkan sedikit kalau dibandingkan dengan Semenanjung. Walau bagaimanapun, pada masa dahulu kita ada sekolah berasrama penuh dengan reka bentuk yang uniform, tetapi jikalau sebuah negeri itu ada kemungkinan bahawa murid-muridnya akan dapat atau dengan permintaan yang banyak kita sedari akan meluaskan keupayaan (capacity) sekolah berasrama penuh ini.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Timbalan Menteri dengan mudah iaitu berapa ramai murid lebih kurang pada satu sekolah takkanlah itupun Timbalan Menteri tidak boleh dapat memberikan anggarannya 200 atau 300 murid pada satu-satu sekolah, ini jawapan yang paling senang, yang besar berapa, yang sedang berapa, yang kecil berapa? Saya kurang dengar!

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, anggaran pembinaan sekolah-sekolah?

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Murid di sekolah itu.

Dato' Chan Siang Sun: Murid-murid di sebuah sekolah?

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Ya.

Dato' Chan Siang Sun: Soalan itu saya sudah jawab tadi, itu bergantung kepada tempat dan jikalau kita adakan seperti di negeri Sarawak atau Sabah barangkali kedua-dua buah negeri ini mempunyai ramai pemohon-pemohon, barangkali dapat dibesarkan sekolah itu. Misalnya di Semenanjung tiap-tiap negeri sudah ada sebahagiannya yang mempunyai dua buah sekolah atau barangkali ada sebuah sahaja, jadi sekolah itu kita tidak bina sebesar macam di Sarawak dan juga Sabah.

Dato' Ismail bin Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pastikan adakah Kementerian Yang Berhormat sedar bahawa pada keseluruhannya sekolah-sekolah yang

berasrama penuh ini diberi peluang pada anak-anak kita di luar bandar, ada atau tidak di masa yang akan datang memandangkan bukan keseluruhannya anak-anak di dalam bandar ini yang berkeupayaan, yang dibolehkan untuk diberi peluang duduk di asrama penuh. Biasanya sekarang sekolah berasrama penuh dikhaskan kepada anak-anak di luar bandar, tetapi anak-anak di luar bandar ini tidak dapat langsung, adakah untuk masa yang akan datang pihak Kementerian akan menimbangankan anak-anak yang tidak berkemampuan dan bersekolah di bandar diberi peluang untuk duduk di asrama penuh; kalau ada, berapa peratuskah yang akan diberi.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah jelaskan tadi iaitu tujuan utama kita ialah memberi keutamaan kepada murid-murid daripada luar bandar. Selepas pemilihan itu jikalau ada murid-murid dari bandar yang dikatakan miskin, kita juga akan memberikan pertimbangan tetapi keutamaan kita khaskan kepada murid-murid di luar bandar dahulu. Kalau ada rayuan mengatakan murid daripada bandar ingin belajar dalam asrama penuh, kita akan berikan pertimbangan.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Kementerian Pelajaran dan mungkin soalan ini terlibat dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ataupun Kementerian Pertahanan. Adakah Kementerian Pelajaran bercadang untuk mendirikan asrama-asrama untuk anak-anak polis dan juga anak-anak askar yang mana kedapatan pada masa ini ramai anak-anak polis dan askar yang terpaksa berpindah randah dari satu tempat ke satu tempat dan mereka itu tidak mendapat pelajaran yang sewajarnya. Ada terdapat juga askar-askar yang berhenti kerana memandangkan pelajaran anak-anak mereka itu tidak dapat dicapai ataupun diadakan dengan sebaik-baiknya.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, untuk keluarga polis dan juga askar, barangkali pihak askar dan juga pihak polis ada mempunyai rancangan mereka tetapi jikalau ada permohonan daripada keluarga polis, askar atau bekas tentera kepada Kementerian, tentulah kita akan dapat

berikan pertimbangan tetapi pokok untuk pemilihan itu tentulah jikalau daripada luar bandar kita berikan keutamaan (priority) dahulu kepada mereka.

POLIS DAN TENTERA BERTEMPUR

12. Tuan S.I. Rajah minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah positif yang akan diambil supaya pasukan-pasukan keselamatan polis dan tentera tidak akan bertempur sesama sendiri pada masa yang akan datang seperti insiden-insiden di Taiping dan Perlis.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu adalah perlu dinyatakan iaitu perselisihan faham dan pergaduhan di antara anggota-anggota polis dan tentera khususnya yang berlaku di Kangar dan Taiping baru-baru ini bukanlah satu perkara yang luar biasa. Kejadian itu adalah merupakan satu perselisihan kecil yang berpunca dari kesilapan individu tetapi sebaliknya telah merebak melibatkan sahabat-sahabat yang berkenaan. Keadaan terkawal sebaik-baik sahaja ianya berlaku.

Sebenarnya insiden sebegini tidaklah harus dianggap seolah-olah wujud sebarang masalah di dalam hubungan kedua-dua pasukan polis dan tentera malahan insiden seperti ini juga berlaku di dalam masyarakat biasa. Bagaimanapun untuk mengemaskini dan meningkatkan lagi perhubungan yang sedia ada itu di antara pasukan polis dan tentera, langkah-langkah seperti berikut akan diambil:

- (1) Menambahkan lagi aktiviti-aktiviti sosial termasuklah sukan di antara polis dan tentera terutamanya di peringkat bawahan supaya perhubungan, persefahaman dan kerjasama di antara kedua-dua belah pihak dapat dieratkan lagi.
- (2) Menambah lagi acara pertukaran lawatan ke institusi-institusi polis dan tentera dari semasa ke semasa untuk setiap lapisan anggota polis dan tentera. Dalam lawatan ini, ceramah dan

syarahan akan diperbanyakkan lagi yang akan menekankan nilai-nilai disiplin, persafahaman dan kerjasama di antara polis dan tentera.

- (3) Menambah lagi operasi bersama di antara pasukan polis dan tentera supaya operasi yang sedia ada itu akan lebih dapat meningkatkan lagi semangat kerjasama, persefahaman dan perhubungan baik di kedua-dua belah pihak; dan
- (4) Menambahkan lagi pertukaran kursus dan latihan yang telah sedia ada di antara polis dan tentera. Kursus dan latihan itu akan lebih ditumpukan kepada nilai-nilai disiplin, peranan dan tanggungjawab bersama.

Oleh itu dengan langkah-langkah yang disebutkan itu, Kerajaan yakin bahawa perhubungan baik, persefahaman dan semangat kerjasama dalam memberi khidmat kepada negara di kalangan pasukan polis dan tentera kita akan dapat ditingkatkan lagi serta berkekalan di sepanjang masa.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 20 adalah di bawah ini).

SUBSIDI BAJA DAN RACUN KEPADA PETANI

13. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada benar bahawa ada sindiket yang sedia membeli dan menjual subsidi baja dan racun yang diberikan kepada petani-petani dan jika ya, nyatakan tindakan yang telah dan akan diambil untuk melumpuhkan aktiviti sindiket ini dan menentukan bahawa subsidi itu betul-betul sampai kepada petani dan digunakan bagi maksud yang tertentu.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Sejauh yang diketahui tidak ada sindiket yang sedia membeli dan menjual subsidi baja dan racun yang diberikan kepada petani-petani di bawah projek-projek yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian.

Sebagai langkah-langkah bagi mengelakkan berlakunya perkara ini Kementerian melalui Jabatan Pertanian dan Lembaga Pertubuhan Peladang menghantar terus baja-baja dan racun subsidi kepada petani-petani dan Pegawai-pegawai Perkembangan sentiasa membuat lawatan susulan untuk memberi nasihat supaya petani-petani menggunakan bahan-bahan input yang telah diberi kepada mereka.

ANCHOR BEER KELUARAN MALAYAN BREWERIES

14. Tuan Haji Azlan Kinjawan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Anchor Beer yang dibotolkan oleh Malayan Breweries (M) Sdn. Bhd., baru-baru ini berlainan bau dan rasanya dan jika sedar sama ada beliau akan menyiasat perkara ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sukacita sekiranya Yang Berhormat dapat memberi maklumat yang lebih lanjut tentang bau dan rasa Anchor Beer yang dikatakan berlainan itu. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian saya telah menyiasat dan didapati bahawa dalam keadaan biasa, bau dan rasa Anchor Beer tidak berubah. Perubahan rasa dan bau boleh berlaku sekiranya disimpan dalam keadaan hawa yang berubah dan yang berlebihan.

Sukacita saya memaklumkan bahawa perkara-perkara mengenai barang-barang makanan adalah di bawah Ordinan Makanan yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Kesihatan. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian saya telah diberitahu bahawa Kementerian Kesihatan juga belum ada menerima apa-apa aduan dari orang ramai atas perbezaan dari segi rasa dan bau mengenai Anchor Beer yang diproses oleh Malayan Breweries (M) Sdn. Bhd.

Mungkin Ahli Yang Berhormat boleh memberi keterangan lanjut mengenai perbezaan ini terus kepada Kementerian Kesihatan supaya pihak Kementerian itu boleh menjalankan penyiasatan mengenainya.

PENAHANAN DI BAWAH ORDINAN DARURAT

15. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan

- (a) di bawah Ordinan Darurat (Emergency Ordinance) seseorang itu akan di tahan, apabila ada orang lain yang membuat aduan; sama ada beliau sedar bahawa terdapat sebilangan besar kes-kes yang terjadi di mana seseorang yang di tahan apabila ada orang membuat aduan dan pihak polis terus bertindak menahan orang itu tanpa menyiasat identiti atau nama yang sebenarnya orang yang membuat aduan tersebut;
- (b) sama ada beliau sedar bahawa kadangkala penahanan seseorang itu di bawah Ordinan Darurat (Emergency Ordinance) adalah kerana fitnah atau lapuran palsu oleh si pengadu; dan
- (c) apakah tindakan yang beliau akan ambil untuk mengelakkan daripada berlakunya kezaliman.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):

- (a) Sebelum satu-satu tangkapan dibuat terhadap seseorang di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) No. 5/69, pihak Polis terlebih dahulu menjalankan siasatan yang teliti dan mendalam dan segala keterangan berkaitan dengan kes tersebut adalah ditapis dengan teliti. Adalah tidak benar pihak polis tidak mengetahui identiti atau nama sebenar orang yang membuat aduan atau saksi-saksi yang memberi keterangan. Walau bagaimanapun, nama dan pengenalan mereka adalah dirahsiakan demi untuk menjamin keselamatan mereka.
- (b) Setakat yang dapat diketahui belum pernah berlaku kes penganiayaan terhadap orang-orang yang ditahan atau disekat di bawah Ordinan ini berdasarkan kepada tomahan-tomahan atau maklumat-maklumat palsu oleh kerana segala maklumat yang diterima adalah disiasat dengan teliti oleh pihak polis. Pihak Kementerian saya juga mengkaji dengan teliti tiap-tiap kes fail

mengenai orang-orang yang ditangkap di bawah Ordinan ini dan hanya setelah berpuashati dengan segala keterangan-keterangan yang ada, barulah satu perintah tahanan atau sekatan dikeluarkan. Berasaskan kepada jawapan kepada soalan (b), maka perkara yang ditanyakan di soalan (c) adalah tidak berbangkit.

LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG—KEMUDAHAN

16. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Pengangkutan menyatakan kelengkapan di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, yang masih dalam pembinaan, seperti Aircraft Parking Bays.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Kementerian saya sedar bahawa kemudahan-kemudahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang tidak lagi mencukupi bagi menampung keperluan penerbangan antarabangsa dan dalam negeri. Oleh demikian, sebanyak \$194 juta telah diperuntukkan untuk memodenkan dan membesarkan lapangan terbang ini.

Kerja-kerja sedang dijalankan untuk mengubahsuaikan bangunan terminal yang ada sekarang dengan membesarkan Balai Tiba dan Balai Berlepas bagi perkhidmatan udara dalam negeri dan antarabangsa. Satu sistem eletronik (closed circuit TV) bagi mengumumkan ketibaan dan keberangkatan pesawat penerbangan akan dipasang.

Sistem pengendalian beg-beg penumpang akan ditambah menjadikan ianya lima saluran keluar dan lima saluran masuk berbanding dengan yang ada sekarang, iaitu tiga saluran masuk dan dua saluran keluar. Dua belas buah "nose-loaders" atau "aerobridges" akan dipasang untuk mengendalikan penumpang-penumpang keluar dan masuk dengan selesa dan selamat. Tempat meletak kapal terbang akan dibesarkan dari 14 ke 22 buah. Kerja-kerja membina "passenger corridor" telahpun dimulakan dan demikian juga pemasangan "moving walkway" akan diadakan. Keseluruhan kawasan awam di Bangunan Terminal I akan dihawadindingkan.

Langkah-langkah juga sedang diambil bagi membina sebuah bangunan kargo seluas

150,000 kaki persegi yang akan dilengkapkan dengan pejabat-pejabat Kastam, MAS dan ajensi-ajensi kargo udara.

Terminal I yang sedia ada sekarang berkemampuan menampung keperluan 1,200 penumpang-penumpang sejam di waktu yang sesak (peak passenger hours). Apabila Terminal I ini siap, ianya boleh menampung keperluan 2,600 penumpang-penumpang.

Selain dari kerja-kerja membina serta membaiki bangunan-bangunan untuk keselesaan penumpang-penumpang, langkah-langkah juga sedang diambil bagi mencantikkan keadaan di sekeliling lapanganterbang ini. Keseluruhan projek pembesaran lapanganterbang antarabangsa Subang ini dijangka dapat disiapkan pada bulan September tahun 1983.

Sebuah bangunan terminal baru iaitu Terminal II telahpun dibina dan telah digunakan mulai bulan September 1981. Bangunan terminal kedua ini juga sedang diperbesarkan dan akan siap dalam masa 6 bulan untuk membolehkan kerja-kerja di Terminal I dijalankan tanpa diganggu.

PENGGALAN TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA, LABUAN

17. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Pertahanan menyatakan bilakah Kementerian berkenaan memulakan pembesaran Pengkalan Tentera Laut Diraja Malaysia di Labuan sebagaimana yang pernah dicadangkan.

Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Kementerian Pertahanan tidak bercadang untuk membesarkan Pengkalan Tentera Laut Diraja Malaysia yang ada sekarang di Labuan. Rancangan kami adalah untuk membina sebuah Pengkalan baru di kawasan seluas 340 ekar bertempat di Tanjung Kiam Sam. Pembinaan Pengkalan baru ini sedang dalam peringkat perancangan dan perkara bersangkutan dengan Hak Milik Tanah telah diselaraskan dengan pihak Kerajaan Negeri Sabah. Sehingga kini pihak juru-perunding yang ditugaskan oleh Kerajaan sedang menyiapkan "Draft Contract Document" untuk tawaran pembinaan. Perlaksanaan yang

dibuat mengikut sistem "AIS" (Accelerated Implementation System) ini dijadual akan dilancarkan pada awal tahun 1982. Sekiranya projek ini dapat dilaksanakan mengikut Jadual dan tidak tergendala, maka adalah dijangka Pengkalan baru Tentera Laut Diraja di Labuan ini akan siap pada pertengahan tahun 1985.

MAKTAB RENDAH SAINS MARA—PELAJAR MENGIKUT PECAHAN KAUM

18. Tuan K. Kumaran meminta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar Menyatakan:

- (a) bilangan murid-murid mengikut pecahan kaum yang sedang belajar di "MARA Junior Science Colleges" di negara ini; dan
- (b) sama ada Kementerian bercadang menambahkan lagi pengambilan murid-murid rakyat keturunan India di sekolah-sekolah ini.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Sanusi bin Junid):

- (a) Bilangan pelajar-pelajar yang sedang belajar di tujuh buah Maktab Rendah Sains MARA mengikut pecahan kaum pada masa ini adalah seperti berikut:

Melayu	4,236
China	56
India	36
Lain-lain	3
	4,331

- (b) Kementerian ini memangnya bercadang untuk menambah kemasukan pelajar-pelajar bukan Bumiputera pada masa-masa akan datang. Tetapi ini bergantung kepada penambahan tempat-tempat dan sekolah yang akan diwujudkan.

BAYARAN ZAKAT—POTONGAN DARI CUKAI PENDAPATAN

19. Dato Haji Mohd. Nor Mohamad minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa bayaran zakat cuma diberi potongan daripada bayaran cukai pendapatan jika bayaran zakat

itu dibuat dalam tahun sebelum tahun bayaran cukai pendapatan; dan nyatakan bolehkah bayaran zakat yang dibuat pada tahun yang sama dengan bayaran cukai pendapatan dipotong daripada pembayaran cukai di tahun yang sama.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cukai pendapatan yang dikenakan bagi satu-satu tahun tafsiran misalnya bagi tahun 1981, adalah ke atas pendapatan yang diperolehi pada tahun asas iaitu tahun 1980. Oleh itu apa-apa perbelanjaan termasuk bayaran zakat yang dibenar sebagai pelepasan atau potongan adalah perbelanjaan yang dibuat pada tahun asas 1980. Atas dasar yang sama, bayaran zakat yang dibuat pada tahun 1981 ini hanya akan dibenar sebagai potongan dari cukai pendapatan yang akan dikenakan pada tahun 1982 nanti dan tidak dari cukai pendapatan tahun 1981 ini.

PERUSAHAAN AUTOMATIVE BATTERY MALAYSIA—PERLINDUNGAN TARIF

20. Tuan Alexander Y. L. Lee minta Menteri Kewangan menyatakan adakah pihak Kerajaan sedar bahawa Perusahaan Automative Battery Malaysia menghadapi persaingan yang hebat dari pengimport-pengimport yang kini memegang 40% daripada pasaran jika ya, nyatakan mengapa Kerajaan menaikkan cukai import untuk melindungi perusahaan tempatan itu atau menimbang mengurangkan cukai eksais untuknya.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Perusahaan membuat bateri kereta mula dikenakan perlindungan tarif sebanyak 70% bagi bateri yang mempunyai bekas plastik dan 60% bagi bateri yang mempunyai bekas getah, semenjak awal tahun 1960 lagi. Ini telah dikaji beberapa kali dan dutinya telah dikurangkan kepada 30% bagi jenis bateri mulai pada 19hb Jun, 1980.

Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk mengkaji semula perlindungan tarif terutamanya bagi perusahaan yang lama tertubuh di negeri ini seperti bateri yang mula diberikan perlindungan tarif yang tinggi semenjak awal tahun 1960 lagi iaitu dua puluh

tahun dahulu. Perlindungan tarif yang tinggi hanya diberikan di peringkat permulaan sesuatu perusahaan itu. Dalam jangka masa yang panjang, perlindungan tarif diberikan dengan kadar yang sederhana sesuai dengan keperluan perusahaan dan kepentingan pengguna-pengguna.

Perusahaan tempatan hanya menghadapi persaingan dari bateri-bateri yang diimport bagi pasaran ganti, tetapi bagi pasaran barang-barang asal untuk dibekalkan kepada pemasang-pemasang kereta, perusahaan bateri membekalkan keseluruhan keperluan sesuai dengan rancangan penggunaan bahan tempatan (local content) perusahaan kereta-motor.

Oleh kerana kadar duti import sebanyak 30% yang ada sekarang ini adalah sesuai untuk melindungi perusahaan tempatan dan pada masa yang sama dapat menjaga kepentingan pengguna-pengguna, maka kerajaan tidaklah bercadang untuk menaikkan kadar duti import ke atas bateri.

Mengenai duti eksais sebanyak 10%, Kerajaan juga tidak bercadang untuk mengurangkan kerana ini akan mengurangkan hasil kerajaan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEISTIMEWAAN DIPLOMATIK (KONVENSYEN VIENNA) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (14hb Januari, 1982).

4.06 ptg.

Puan Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung ucapan saya semalam.

Tuan Yang di-Pertua, langkah yang diambil oleh Kerajaan kita memasukkan satu seksyen baru iaitu Seksyen 3A dalam Akta ini dipakaikan kepada satu badan atau political entity tertentu seperti PLO amatlah dialu-alukan bukan sahaja daripada parti-parti yang

memerintah tetapi juga saya berasa senang hati kerana Akta ini telah mendapat sambutan daripada parti-parti Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun rakyat Palestine belum lagi mencapai hak-hak kenegaraan mereka, namun PLO akan terus menyuarakan aspirasi politik, aspirasi kenegaraan mereka tambahan pula PLO yang telah ditubuhkan sejak tahun 1964 telah mencapai taraf antarabangsa dengan cara-caranya sendiri menentang kekejaman Kerajaan dan pemerintahan Israel. Saya yakin perjuangan gerakan ini yang begitu unik sekali, unik saya sebutkan di sini kerana telah berjaya mengumpulkan tenaga rakyat mereka yang telah bertabur di segenap pelusuk negara Arab dan lain-lain tempat pada suatu ketika dahulu tetapi sekarang telah dapat terkumpul untuk meneruskan perjuangan mereka melepaskan rakyat Palestine daripada cengkaman Yahudi.

Akibat penjajahan yang dibuat oleh orang-orang Yahudi yang terkutuk itu, umat Islam seluruh dunia hendaklah bersatu menentang habisan terhadap sikap Yahudi yang menyayat hati orang-orang Islam, misalnya, peristiwa Baitul-Muqadis yang merupakan satu tragedi yang tidak dapat dilupakan. Begitu juga peristiwa hitam dalam sejarah perjuangan umat Islam dengan adanya pembinasaan ke atas Masjidil Al-Aqsa.

Tuan Yang di-Pertua, seluruh umat Islam yang cintakan kedamaian harus senantiasa diberi ingatan bahawa cita-cita dan tujuan orang-orang Zionist atau Yahudi ini bukanlah sekadar untuk mendapatkan tanah Palestine tetapi azam mereka ialah untuk mengembalikan pemerintahan Nabi Allah Musa a.s. kerana kalau kita baca sejarah Islam sebelum Rasulullah bertapak di Madinah, kota Madinah dipunyai oleh orang-orang Yahudi dan sekarang dengan terang-terang di mata dunia pada hari ini sama ada secara kita sedari atau tidak, mereka mahu mengembalikan keagungan pemerintahan Nabi Allah Musa a.s. ini bermakna bahawa orang-orang Yahudi ini mahu menakluki negara Arab termasuk Baitullah, kalau boleh.

Tuan Yang di-Pertua, yang demikian soal Palestine bukanlah satu soal yang rumit seperti mana yang digambarkan oleh orang-

orang luar. Bagaimanapun manakala Bangsa-bangsa Bersatu meneruskan perbahasannya ke atas soal Palestine ini, rakyat Palestine tetap terus tertindas dan tetap menerima layanan yang tiada adil. 33 tahun sudah berlalu, namun masyarakat antarabangsa masih belum dapat menyelesaikan masalah Palestine ini. Pada hemat saya, ini adalah disebabkan oleh sikap setengah anggota-anggota Bangsa-bangsa Bersatu, terutama kuasa-kuasa besar yang tidak ingin melihat penyelesaian masalah Palestine ini kerana kepentingan mereka sendiri. Sementara penyokong-penyokong Israel pula telah menggalakkan Yahudi untuk melakukan lebih banyak lagi tindakan keganasan dan penaklukan dan terdapat pula kuasa besar yang kononnya menyokong perjuangan Arab tetapi sebenarnya membenarkan beribu-ribu orang Yahudi pulang ke Israel semenjak 33 tahun yang lalu. Telah dilaporkan bahawa lebih kurang 4,000 orang Yahudi dibenarkan berhijrah ke Israel setiap tahun oleh kuasa-kuasa besar ini.

Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai masanya bagi Pertubuhan Persidangan Islam membongkarkan segala tipu helah kuasa-kuasa besar itu dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Begitu juga sudahlah sampai masanya bagi anggota bukan Arab, Pertubuhan Persidangan Islam dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali untuk menghasilkan satu strategi yang boleh membawa kepada satu penyelesaian masalah Asia Barat.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa soal Palestine, bukan sahaja melibatkan Asia Barat tetapi masyarakat antarabangsa keseluruhannya, maka sudah menjadi tanggungjawab masyarakat antarabangsa untuk mencari penyelesaian yang awal ke atas masalah itu demi untuk keamanan dan kestabilan antarabangsa. Yang demikian langkah yang telah diambil oleh Kerajaan kita adalah merupakan satu sumbangan positif terhadap perjuangan rakyat Palestine yang telah mengalami kesengsaraan selama lebih tiga dekad.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengulangi sokongan saya kepada usul di hadapan kita pada hari ini, saya ingin menyampaikan ucapan tahniah saya kepada Kerajaan yang

telah mengamalkan satu polisi yang tegas, jelas dan bijak terhadap perjuangan rakyat Palestine dan PLO.

4.15 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Akta untuk meminda Undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvesyen Vienna) (Pindaan) ini. Apabila memperkatakan ini saya hendak sebut tiga perkara penting dalam tahun 1981. Apakah tindakan Israel yang mengejutkan dunia? Tiga perkara yang diakui oleh seluruh dunia dia telah lakukan perkara-perkara kekejaman dan mencabar hak-hak Bangsa-bangsa Bersatu, mencabar hak-hak asasi manusia. Pertama, Israel telah menyerang Stesyen Reaktor Nuklear Iraq di Baghdad dalam tahun 1981; kedua, Israel telah menggempom Lebanon; dan ketiga, meluluskan undang-undang menjadikan tanah suci Baitul Muqaddis dan Golan Heights sebagai wilayah Israel.

Tiga perkara penting ini, kita harap mendapat perhatian bukan kita sahaja tetapi seluruh dunia daripada United Nations sendiri supaya dapat menghukumkan tindak-tanduk Israel khasnya ke negara Arab dan amnya apakah reaksi kepada dunia yang mengakui hak-hak sesuatu bangsa di dalam dunia. Alangkah kejamnya, selain kita daripada seorang Islam, seluruh dunia Islam, saya selalu apabila menyebut Islam, kepada yang bukan Islam, jangan takut, sebab Islam adalah penyelamat, ugama kami—ugama Islam adalah penyelamat bukan sahaja kepada orang Islam tetapi semua manusia di dalam dunia ini. Pernah di dalam satu peperangan Suniatul Wadak, Nabi kita mengatakan, jangan ditakuk-takuk pokok kurma itu, jangan dianiaya walaupun dianya anjing atau binatang-binatang, kalau kita dahaga beri dia minum, tolong dia. Tegas Nabi kita dalam perikemanusiaan jangan dianiaya orang-orang tua, budak-budak, perempuan yang sedang bersembahyang atau membuat amal di gereja ataupun yang tidak ada daya upaya, ataupun musuh yang telah kalah, surrender kepada kita jangan kita aniyakan.

Ini dia Islam, Tuan Yang di-Pertua, yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W. yang kita sebut sebagai rahmat kepada alam,

penyelamat kepada bukan sahaja Islam tetapi seluruh umat manusia termasuk tumbuh-tumbuhan, binatang dan lain-lain. Ini saya suka sebutkan supaya saudara-saudara saya yang bukan Islam, apabila saya sebutkan Islam ini, takut pandangan lain daripada tujuan itu. Ini dia asasi Islam, beri kebaikan umat kita khasnya dan umumnya seluruh umat manusia. Tetapi apa Israel telah buat? Israel telah membuat pengkhianatan yang paling besar iaitu apabila ia mengambil Baitul Muqaddis iaitu satu tempat Kiblat orang-orang Islam sebelum Baitullah ilharam di Mekah.

Ahli-ahli Yang Berhormat tahu bagi orang-orang Islam kalau diusik Baitullah itu potong nyawa dia, tinggal setitik darahnya yang akhirnya dia mesti pertahankan sebab itu dipandang sebagai tempat suci oleh ugama Islam. Begitulah juga Baitul Muqaddis. Tetapi Israel telah memusnah dan menakluki Israel dan tahun 1981 seperti saya katakan tadi tiga lagi dia membuat durjana yang hebat ke atas negara yang disebutkan itu, terutama apabila dia mengisytiharkan menjadikan tanah suci Baitul Muqaddis itu adalah wilayah dia sendiri.

Daripada intisari tiga ini cukup kita membuat pengumuman apa sebab Kerajaan kita menyokong PLO. PLO satu pertubuhan yang hendak mengembalikan balik hak asasi negeri dia sendiri. Sebagaimana juga Bangsa-bangsa Bersatu yang mengakui seluruh dunia, mestilah mengakui hak asasi sesuatu bangsa, sesuatu negara dalam dunia ini, mahupun dia kulit hitam, kulit putih, Asia, Eropah, Australia, di mana dalam dunia ini diakui oleh Bangsa-bangsa Bersatu hak negeri dan hak satu-satu bangsa dalam dunia ini. Pergerakan PLO untuk mengembalikan hak dia, bangsa dia adalah itu disokong penuh oleh Bangsa-bangsa Bersatu di seluruh dunia.

Sebagaimana kita tahu 156 ahli-ahli Bangsa-bangsa Bersatu misalnya, kalau mengikut piagam: baik orang hitam, baik putih, baik siapa menentukan nasib masa depannya adalah menjadi sokongan bangsa-bangsa dunia tersebut. Sebab itu PLO telah mengambil tempat yang benar-benar nyata dan harus disokong oleh semua bangsa dalam dunia ini. Bukan sahaja bangsa-bangsa yang berkecuali, bukan sahaja negeri-negeri

Persatuan Islam atau Lega Arab yang termasuk kita Malaysia tetapi saya rasa seluruh bangsa dalam dunia ini harus menyokong PLO. Niat dia yang suci mengembalikan hak asasi negara dia dan bangsanya sendiri. Sebab itulah Kerajaan kita menyokong PLO. Satu tindakan yang berani dan adil dan direstui oleh Allah pada jalan yang hak dan benar.

Ada pun kerja kita yang hak dan benar adalah direstui oleh Allah. Apa juga kerja kita yang tidak benar, membuat penganiayaan, buat rosak binasa, itu adalah tidak direstui oleh yang maha kuasa Tuhan kita, sebab itu pada pendapat saya tindakan Kerajaan menyokong PLO ini adalah sewajarnya. Dan rasa saya patut menjadi contoh pada negeri-negeri dalam dunia yang masih membisu dan beku tidak berani mengatakan terus terang atas kehendak-kehendak bangsa-bangsa yang menuntut hak asasi negara dan bangsanya.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mengulas apakah saranan Bangsa-bangsa Bersatu terhadap kuasa-kuasa besar, katalah sekarang pandangan kita kepada Amerika, saya hendak berkata terus terang kepada Amerika. Amerika yang mengambil inisiatif yang saya rasa berlawanan dengan perjuangan PLO ataupun hak hendak mengambil yang dituntut oleh PLO. Cara tidak langsung, siapa pun tidak dapat menafikan seluruh dunia tahu bahawa Amerika telah menyokong Israel, memberi bantuan ekonomi, memberi bantuan ketenteraan dan memberi sokongan politik kepada Israel. Dengan lain-lain perkataan, ia sudah menyokong dan mempertahankan tindakan Israel.

Saya suka menyebut di Dewan yang mulia ini khasnya kepada Amerika kerana banyak perkara-perkara Amerika yang baik yang menolong umat manusia tidak boleh dinafikan tetapi ada beberapa perkara yang mengejutkan orang-orang terutama negara kita sendiri ataupun negara-negara yang memandang jauh memegang perinsip Bangsa-bangsa Bersatu, memandang hak asasi bangsa-bangsa. Mengapa ia menyokong Israel? Dan mengapa ia masih memandang PLO itu tidak sah, kepada dialah. Jadi saya suka menyatakan dalam Dewan ini menyeru Kerajaan Amerika agar belakang dada supaya sekurang-kurangnya tidak campur tangan

dalam hal satu-satu bangsa hendak mengembalikan hal asasi mereka yang dibuat oleh PLO ini. Janganlah dimusnahkan perkara-perkara hak manusia yang tersebut demikian. Saya menyeru Amerika masih belum terlambat. Sesebuah Kerajaan yang mengaku moden, yang mengaku tamadun, yang mengaku ulung dalam dunia ini, haruslah mereka mengikuti kehendak-kehendak manusia yang sebaik-baiknya di seluruh dunia iaitu hak satu-satu bangsa itu patutlah ia bukan sahaja menghalang tetapi patut mereka menyokong perkara yang benar.

Jadi, sekali lagi saya menyeru Amerika yang gagah ini supaya memberhentikan bantuannya kepada Israel dan membuat penganiayaan seperti yang disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cara demikian PLO sebenarnya mestilah mendapat sokongan dari hati ke hati dan pada pendapat saya bantuan yang dibuat oleh Kerajaan masa ini dalam bentuk kewangan lebih kurang tidak sampai \$400,000 kalau tidak salah, rasa saya amat berkurangan. Harus juga kita mengikhtikarkan bersesuaian dengan bantuan yang mustahak kita bantu bagi mengembalikan haknya apa lagi ia seugama dengan negara kita. Kerana falsafah agama Islam, sesama orang yang seugama Islam adalah saudara, kita tidak boleh membiarkan saudara kita yang hak. Tetapi sebaliknya saya menafikan saudara-saudara yang tidak hak, menceroboh, menganiayakan yang bukan haknya, kita tidak harus sokong walau seugama, sebangsa sekalipun. Tetapi apa lagi seugama mempertahankan negara, ugamanya tempat suci Baitulmukaddis adalah mustahak kepada pandangan saya tiap-tiap bantuan Kerajaan Negeri ini adalah satu perkara yang sangat-sangat dikehendaki dan amal salleh yang tidak boleh dilupakan.

Saya membuat analisa apa yang diucapkan oleh bekas Timbalan Menteri Luar dan sekarang mewakili Menteri Luar semalam dalam catitannya, meskipun pendek tetapi saya rasa tepat kita selidiki dan saya rasa apa yang diutarakan semalam adalah benar dan kenyataan. Dan tiada satu pun yang tidak keluar daripada yang kita kehendaki mendengar sebagai seorang Menteri yang bertanggungjawab.

Saya mengalu-alukan di dalam Dewan ini sebagai Menteri yang semacam ini mempertahankan apa-apa yang diutarakan dan bertanggungjawab kepada Menteriannya. Saya amat puas hati di atas penerangan-penerangan terutama perkara-perkara luar negeri khususnya mengenai perhubungan dengan dunia walaupun kita sebuah negara yang kecil tetapi harus kita membuat matlamat dalam masa 30 tahun, rasa saya dengan peraturan Kerajaan yang kita jalankan sekarang, dengan diizinkan Tuhan alam semula jadi yang memberi kita kekayaan dalam berbagai sumber, umpamanya tanah, laut, bukit, gunungnya berisi kekayaan, saya yakin 30 tahun kita akan menjadi satu Kerajaan yang paling kaya dan paling baik di Asia ini. Kita boleh meningkat kalau tidak pun lebih tinggi setaraf dengan negeri Jepun yang kita cadang sekarang. Mengikut kehendak-kehendak dan mengikut keadaan-keadaan yang dijalankan oleh Kerajaan kita terutamanya di bawah pimpinan Dr Mahathir kita sekarang. Saya nampak jelas kita boleh.

Saya tidak memuji ini supaya pemimpin ini diagongkan, tidak. Sebab yang agong hanya Allah, yang lain tidak agong, sebab tidak ada lama, tidak ada siapa yang lama, semuanya tidak ada yang permanent dalam hidup ini, walaupun dia Perdana Menteri, walau dia General, walau dia siapa sekali pun, dia hanya tidak ada permanent. Tinggi dia kerja dalam jawatan 20 tahun, biar 25 tahun, dia akan bersara; biar dia hidup lagi 10 tahun, dia akan pergi. Siapa pun tidak boleh tahan. Sebab itu tidak ada permanent. Siapa yang menguat-nguatkan dia yang terbesar yang macam ini, sebenarnya tidak betul. Yang agung hanya Allah Subhanahu wataala. Sebab itu bila saya menyebut Dr Mahathir tadi bukan saya memuja, tidak tetapi kerja dia, matlamat dia. Saya yakin 30 tahun kalau terus menerus yang tidak dapat dielakkan, kemakmuran negara yang betul disalurkan kita akan mencapai tidak jauh lagi. Malaysia akan menjadi sebuah negara yang terbesar dan termaju di Asia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja dan saya menyokong PLO ini tetapi rasa saya ada ketinggalan kalau saya tidak menyebutkan sedikit berkenaan dengan Diplomatik kita. Apabila.....

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 30 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.30 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.00 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

5.00 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, apabila menyentuh berkenaan dengan diplomatik ini, rasa saya ada tertinggal kalau tidak saya menyentuh dua tiga perkara saya rasa penting.

Saya rasa satu perkara yang baik yang baru-baru ini dilakukan oleh Kementerian Luar Negeri iaitu dengan menjemput semua duta-duta kita di seluruh dunia hadir sama di Thailand supaya menyaksikan sungguh-sungguh dengan mata sendiri, dengan pengalaman sendiri berkenaan dengan keadaan, terutama keselamatan sempadan negara kita daripada ancaman musuh dan juga mengikut persahabatan negara kita dengan Asean khasnya Thailand.

Saya rasa kebijaksanaan Menteri Luar menjemput semua Duta luar negeri ke sana itu boleh dipuji sebab pada pandangan saya sudah sampai masanya mengikut hakikat sekarang kita mengikut kenyataan yang tegas, kita mesti berpijak di bumi kalau kita hendak mempertahankan negara kita bersungguh-sungguh daripada serangan luar ataupun hendak menjaga sempadan kita dengan Thailand ataupun penyusunan komunis masuk ke negara kita. Kita mestilah menjalankan daya-usaha kita benar-benar di atas kenyataan yang tepat supaya tiap-tiap mereka yang mengambil bahagian faham sungguh-sungguh bukan dengar-dengar sahaja yakni di mana dia sendiri menyiasat dan mengalami sendiri hal-hal di sempadan negara seperti ini. Jadi, saya sekali lagi memuji Menteri Luar atas tindakan macam ini, bukan itu sahaja, beliau harus membuat tindakan atas kenyataan-kenyataan dalam beberapa perkara bersangkutan dengan diplomatik kita di masa akan datang, terutama dengan negara Asean dan juga kita sekarang

telah menghadapi sungguh-sungguh dengan sahabat-sahabat kita yang kita pelopori sekarang bagi faedah negara kita di masa akan datang. Saya suka menitik-berat yakni sebarang ancaman negara di keliling kita, selalu saya katakan di tiap penjuru negara kita ini, selatan, utara, timur, barat harus diawasi, termasuklah Kementerian Luar Negeri juga harus memainkan daya diplomatik yang sungguh-sungguh bagi mendapatkan beberapa sokongan negara Asean supaya mengawasi sama dalam cara diplomatik bagi keselamatan negara dan rakyat kita di masa akan datang dan sekarang juga.

Dalam dunia yang terancam macam sekarang ini gerakan komunis sedunia tidak boleh kita nafikan, komunis sentiasa meresap, komunis sentiasa mencari jalan agar perkembangan pengaruh dalam negara-negara yang dituju berjalan terus sebab itu adalah selamat bagi Kerajaan kita sedia berwaspada dan Kementerian berkenaan untuk mengambil inisiatif yang sungguh-sungguh dalam perkara terutama menyelamatkan negara kita seperti yang tersebut.

Seperka lagi dalam cara mengambil ahli diplomat kita pada masa akan datang, pada pendapat saya tentulah kita menguji tiap-tiap ahli diplomat yang kita ambil, sungguh-sungguh orang yang berkelayakan yang mempunyai kemampuan yang nyata dalam semua aspek yang dikehendaki sebagai seorang diplomat. Menjadi seorang diplomat bukanlah mudah, sebenarnya diplomat adalah mencerminkan perwatakan negara, mencerminkan keutuhan negara dan mencerminkan kebesaran jiwa rakyat negara ini. Sebab itu dalam lantikan seseorang tokoh yang dipilih sebagai seorang duta itu atau diplomat kita amat besar maknanya. Oleh itu kepada saya tiap-tiap seorang diplomatik yang dipilih mestilah mempunyai jurusan-jurusan tertentu dan diamati sebenarnya dia boleh menjadi seorang diplomat. Jadi, saya percaya Kementerian Luar Negeri telah memilih ahli diplomat seperti yang kita katakan itu. Jadi ahli-ahli diplomat yang dipilih itu pada pendapat saya sekurang-kurangnya mestilah duduk dalam Kementerian Luar Negeri setahun supaya dia mempelajari dalam semua bidang berhubung dengan suasana tiap-tiap

negara, yang dia berhubung dalam dunia ini. Sesudah dia cukup faham dan cukup mengalami dengan sebenar-benarnya perhubungan-perhubungan kita dengan semua negara dalam dunia ini, pada masa inilah baru kita hantarkan ke mana-mana negara yang sesuai.

Saya rasa tidaklah silap saya memperkatakan apabila pemimpin besar kita terutama Y.A.B. Perdana Menteri kita, katalah, diundang oleh satu negara jiran atau negara-negara dalam dunia ini, maka sebenarnya diplomat dalam negara yang dia pergi itu adalah bertanggungjawab dalam menyelesaikan beberapa perkara yang penting bagi faedah suasana imej negara kita. Contohnya, dua Perdana Menteri kita, Allahyarham Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn melawat ke Australia amat sedih dan saya minta maaf, saya rasa bertanggungjawab juga ahli diplomat kita di Australia. Walau bagaimanapun, orang memperkatakan demokrasi, walau bagaimanapun orang memperkatakan memberikan kebebasan kepada rakyatnya boleh menunjukkan demonstrasi, boleh menunjukkan perarakan dengan membuat cogankata menentang seseorang pemimpin, tetapi tiap-tiap negeri dalam dunia ini ada mempunyai maruah, dia ada mempunyai tanggungjawab persahabatan terhadap Ketua Negara yang dipanggil dan siapa-siapa pembesar lain yang datang ke negaranya. Adalah tidak bertanggungjawab apabila kita jemput seorang ketua negara asing tetapi kita adakan satu pertunjukan menentang ataupun menghina orang yang kita jemput. Ini memang berlaku, Tuan Yang di-Pertua, di Australia, jadi pada pendapat saya bagaimanapun ketinggalan diplomatik kita yang kita ada di Australia mengapa tidak dibuat perhitungan.

Sebenarnya bukan sebulan, dua bulan, tiga bulan atau sekurang-kurangnya lebih daripada itu, apabila seorang Perdana Menteri atau pembesar negara kita akan melawat negeri yang diwakili sebagai Duta negeri itu dia adalah bertanggungjawab menghubungi dalam beberapa perkara, bukan sahaja di segi keselamatan, malah tunjukkan perasaan ini mestilah diatasi dan dia hendaklah berunding secara hitam putih

dengan Kerajaan Negeri itu, sebab adalah menjadi tanggungjawab dia menjaga keutuhan negaranya dan maruah bangsanya.

Kalau misalnya negara itu tidak bertanggungjawab mengadakan perarakan menentang, katalah, Perdana Menterinya datang, dia harus memberitahu batalkan sahaja, tidak ada apa gunanya kita melawat, apa faedahnya, banyak negara-negara lain dalam dunia yang boleh dilawati. Sebab itu saya hendak memberi sedikit pandangan kepada Kementerian yang berkenaan supaya Duta-duta kita yang bertanggungjawab yang kita hantar menjaga keutuhan dan menjaga maruah negara kita yang sebenar-benarnya. Walaupun negeri kita kecil dan mempunyai penduduk 15 million, walaupun ada orang yang mengatakan kita tinggal di atas pokok kayu, peduli apa, biarlah dia cakap apa yang dia suka, kita boleh cakap negeri Amerika orangnya tinggal di dalam pondok di atas pokok. Kita pun boleh tulis dalam suratkhobar, misalnya orang Amerika menulis itu, kitapun boleh keluarkan dalam majalah, saya berani keluarkan dalam majalah, saya boleh mengatakan ada orang Amerika yang saya tidak kenal dia barangkali tinggal di atas pokok-boleh, sebab mereka bercakap dalam negeri-negeri demokrasi-boleh. Tetapi yang pentingnya kita mahu jaga, jangan negara kita seolah-olah tidak mempunyai maruah, apa lagi bapa pemimpin, Perdana Menteri misalnya dibuat seolah-olah tidak bertanggungjawab di negara yang tersebut, lebih-lebih lagi rakyat di tempat kita ada sama belajar dia pula tunjuk perasaan menentang Perdana Menterinya. Jadi mengapalah Duta kita membisu sahaja. Adakah Duta kita sebelum ini tidak tahu apa yang akan terjadi? Apakah seorang Duta hanya apabila terjadi baru mengambil langkah? Sepatutnya Duta yang bertanggungjawab di atas apa-apa perkara yang terjadi lagi dua tahun dia sudah tahu, kata orang reneh-renehnya sudah ada keluar, dia supaya tahu dan dia bersikap cergas mengatasinya secara bijaksana, itu sebab kadangkala seorang diplomatik walaupun dia kecil macam belut licin, bahaya dipegang. Seorang diplomatik walaupun dia kecil, macam semalam ada sahabat saya Timbalan Menteri kata seperti sang kancil, jangan main-main dia cerdik sehingga buaya boleh beratur

di dalam sungai diketuknya buaya itu, bukan lagi disuruh dia hendak menyeberang, tetapi diketuknya kepala buaya itu supaya dia boleh menyeberang sana.

Pada pendapat saya seorang ahli diplomatik mestilah pintar, bijaksana dan sebagai seorang tokoh negara yang saya berasa taraf seorang diplomatik serupa juga dengan seorang Menteri, ya atau tidak Yang Berhormat Menteri? Itu rasa saya—memang benar, sebab itu pada pendapat saya dalam masa-masa yang ke hadapan Duta-duta kita haruslah lebih berwaspada dalam hal ini terutamanya dalam perkara yang kita dengar baru-baru ini ada disiarkan dalam suratkhobar di Kanada penuntut-penuntut kita dari Malaysia buat lagi honar mencerca Kerajaan kita, negara kita. Ini saya merasa hairan, jadi bolehlah Duta kita di sana membuat usaha yang lebih cergas supaya mengatasi apa yang mereka tidak faham ataupun mengambil tindakan yang wajar.

Saya pernah pergi ke London, jadi pada suatu malam anak sahabat saya, Zulkifli Mohamad yang pada masa dahulu menjadi Pemuda UMNO negeri Perak, maaf saya bercakap, anak dia dipaksa supaya kahwin oleh pendakwah di sana, dia kata kalau tidak kahwin mereka tidak boleh belajar, ini benar-benar berlaku di sana. Tetapi saya mengatakan pada Attache Malaysia yang menjaga itu jangan dikahwinkan dia, saya kenal ibu bapanya, datuk neneknya, di Kuala Kangsar saya kenal dia bersaudara dengan saya. Mengapa dipaksanya kahwin, datang ke sini bukannya untuk kahwin, kami pun tahu di sana, tetapi mengapa dipaksa? Dakwah bukan main hebat, Tuan Yang di-Pertua, pendek kata kalau berkawan katanya kalau tidak kahwin tidak boleh, sampai macam itu sekali dakwah di London.

Jadi perkara yang mesti diatasi oleh Duta kita walaupun kecil, tetapi perkara ini yang boleh menyentuh keunggulan negara kita sendiri, apa lagi penuntut-penuntut yang mencerca ataupun mengkritik, kalau dia mengkritik sihat tidak apa. Pada pendapat saya, mengkritik sihat tidak apa, tetapi ini mengkritik yang bukan-bukan, dia kata apa Kerajaan kita sudah buat, dia tidak tahu apa yang kita tidak buat. Saya yakin apa yang

Kerajaan kita ini buat, dunia lain tidak boleh buat.

Saya bercakap terang dalam semua hal, saya berani berdepan saya sudah bercakap dengan penuntut-penuntut ini awak dengar? Saya dengarlah satu-satu. Saya beritahu dalam masalah ugama masjid didirikan, madrasah didirikan, jalan dibuat, sekolah dibuat, guru-guru dihantar apa yang Kerajaan kita tidak buat di bidang ugama? Pada malam itu saya mengatakan, cuba awak tulis, kalau saya yang bercakap bohong macam ini awak boleh kata Ibrahim Abdullah penipu besar dalam dunia ini, awak boleh kutuk saya, saya bersedia menerima, saya bercakap ini terang-terang, ugama saya berani cakap apa awak hendak buat? Pelajaran ugama kita adakan, sehinggakan kita dirikan masjid, kita mempelajari Al-Quran, membuat perjumpaan umat Islam secara tidak langsung di seluruh dunia, ajaran Al-Quran kita muliakan sebagai Kitab Allah yang maha agong, tidak ada Kerajaan negeri Islam lain yang boleh tanding dengan kita. Kita awas dan kita majukan dalam mendirikan masjid-masjid dan mengembangkan ugama, kita buat di mana sahaja yang kita minta, di mana tempat yang ada orang berjumpa cukup 40 orang atau 50 orang kita dirikan masjid, tunjukkan pada saya mana satu yang tidak Kerajaan Malaysia buat.

Dalam hendak memberi ilmu berapa banyak ulamak kita beri, di dalam tiap-tiap negeri kita adakan pejabat ugama untuk menjaga ini semua, sekolah-sekolah ugama kita sokong, kita beri gaji, pada masa orang putih dahulu tidak usahakan hendak ini, tetapi kena cari sendiri, pondok-pondok sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat harap tunjukan perbahasan ini kepada perkara yang kita bincangkan ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Ini saya memberi contoh, Tuan Yang di-Pertua, satu contoh misalnya di luar negeri berkenaan dengan diplomatik. Ini diplomatik, Tuan Yang di-Pertua!

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya tahu jangan melarat.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Saya rasa tidak ada melarat, ini penting, apa yang saya

katakan rasanya penting—maaf, tetapi saya akan ikut. Ini adalah cara yang telah berlaku di luar negeri, sebenarnya perkara ini telah berlaku mengapa diam? Kerana saya orang kecil sahaja, Duta-duta orang besar dia dapat pengetahuan lebih tinggi lagi, apa yang saya mahu tahu ialah kita mahukan kenyataan, mahu dibenterasi macam ini, kita hendaklah cepat mengambil tindakan yang wajar supaya nama keutuhan negara kita tidak disentuh di luar negeri, apa lagi kalau mereka menulis dalam akhbar-akhbar dibaca oleh orang-orang luar negeri, orang luar negeri mengatakan Kerajaan kita ini tidak berkelayakan. Jadi itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa yang harus diambil peringatan oleh ahli diplomatik.

Saya tidak mengatakan mereka tidak mengambil tindakan, saya percaya mereka ada ambil, macam semalam ada pegawai berjumpa saya keterlaluan katanya saya bercakap, yang sebenarnya saya tidaklah menghina walau seorangpun pegawai, semua saya hormat pegawai, sebab itu anak saya tiga orang dalam jurusan undang-undang, sayapun menghormati undang-undang. Jadi apa yang saya cakap semalam bukan menyentuh atau menentang peribadi seseorang. sebenarnya saya hormat mereka yang menegakkan undang-undang sebab itu saya tidak lupa, saya cakap semalam satu jawatan yang penting dalam negara.

Jadi begitu juga diplomatik, saya tidaklah mengatakan mereka tidak menjalankan usaha-usaha sedemikian. Saya percaya mereka ada buat tetapi sumpah saya sebagai seorang Ahli Dewan memperingatkan bagi faedah negara dan rakyat, sebagai kewajipan saya mengingatkan. Tuan Yang di-Pertua, itulah yang saya rasa harus dikaji dan dibetulkan dalam diplomatik kita.

Selain daripada itu, saya menyokong dengan kuat supaya di Kementerian Luar Negeri ini dibesarkan lagi dan dilengkapi lagi dengan alatan yang moden sebab kebanyakan dunia-dunia luar sentiasa berkunjung ke Malaysia ini dan kerap kali selain daripada pejabat Perdana Menteri, Kementerian Luar Negeri juga dia datang. Saya suka kalau tempat Kementerian Luar Negeri kita ini standard dengan negeri-negeri yang maju dalam dunia, pejabat dan alat-alatnya biarlah

Malaysia pun ada mempunyai style sendiri tidak kurang daripada negeri lain.

Sekianlah kerana Tuan Yang di-Pertua pun sudah menegur saya, saya pun berasa sedih sebab rasa saya bercakap bahagian diplomatik, jadi eloklah saya tamatkan ucapan saya. Sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan) 1981 dan tahniah kepada Kementerian Luar Negeri di atas tindakan terutama menyokong PLO yang saya rasa sangat penting itu.

5.22 *ptg.*

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mengucapkan tahniah kepada Kementerian Luar Negeri kerana membawa Bil ini iaitu bersempena mengesahkan perisytiharan yang dibuat oleh Perdana Menteri kita iaitu mengakui bahawa sanya PLO kepada satu daripada badan politik.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita perhatikan dengan secara halus perkara-perkara ini adalah gejala-gejala yang bermula daripada perang pertama iaitu apabila kedutaan Ottoman di Turki dihancurkan oleh kuasa-kuasa Barat maka negeri-negeri Timur Tengah, Afrika telah dijajah oleh penjajah British, Perancis, Itali dan sebagainya. Begitulah juga nasibnya dengan Baitul-Muqaddis atau Palestine iaitu sebuah negeri yang dihormati oleh tiga agama iaitu Islam, Yahudi dan Keristian. Dengan sebab itu diberilah amanah kepada British supaya mentadbirkan Palestine ini. Apabila Perjanjian Balfour diwujudkan dalam tahun 1947, dan Palestine diitirafkan sebagai sebuah negara British melepaskan negeri ini kepada Yahudi sedangkan tuannya pesaka Palestine itu ialah orang Arab. Maka dari titik permulaan inilah timbulnya perjuangan Arab-Palentine menuntut supaya negeri itu dilepaskan.

Dari peperangan keganasan ini maka timbullah satu daripadanya satu gerakan yang menuntut Palestine kepada Arab walaupun sebahagian dunia telah mengakui bahawa Palestine itu adalah negeri Yahudi dan pertubuhan itupun timbul, sebagaimana yang

dikatakan tadi "PLO" iaitu Palestine Liberation Organisation (Pertubuhan Pembebasan Palestine).

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercakap dari segi emotional, saya bercakap dari segi Kerajaan kita pada hakikatnya bahawa dia mengakui wujudnya kedutaan penuh "PLO" dan saya menyokong perisytiharan yang dibuat oleh Perdana Menteri, apatah lagi Bil ini dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Akan tetapi kita haruslah bukan sahaja menyokong bersama dalam ketetapan Bangsa-bangsa Bersatu supaya menuntut Israel keluar daripada bumi ditaklukinya dalam perang selama 3 hari dalam tahun 1967 iaitu Israel menduduki tebing barat Sungai Jordan dan juga Semenanjung Gaza; ketetapan ini telah diakui oleh Bangsa-bangsa Bersatu supaya Yahudi mesti keluar dari tanah yang dijajahnya. Berpuluh-puluh tahun masalah ini diperjuangkan oleh Arab-Palentine yang dapat sokongan daripada seluruh bangsa Arab, akan tetapi kedegilan Israel ini nyata, sebagaimana kata sahabat saya tadi satu demi satu melukakan hati bangsa Arab dengan pengambilan Baitul-Muqaddis dijadikan ibu kota, pengambilan Bukit Golan daripada Syria dan lain-lain.

Jadi saya menyeru kepada Kerajaan kita dengan cara yang lebih agresif menyokong Pertubuhan ini dengan cara apa sahaja diplomasi yang boleh kita buat. Kita bersahabat dengan Amerika, kita bersahabat dengan British, kita bersahabat dengan Itali, Perancis dan lain-lain. Pada hakikat dan pandangan saya sudah timbul sekarang pertentangan di antara dua golongan iaitu golongan bangsa Arab dan golongan negara-negara pemerintah yang besar termasuk Amerika, British, Perancis dan lain-lain. Jadi kita haruslah dengan mengakui kedutaan penuh PLO di negara kita, Kerajaan kita harus menjalankan lebih diplomasi sebab Yahudi-Israel adalah juga akan mempengaruhi Yahudi-yahudi di Amerika yang akan membentuk satu polisi negaranya terutama dalam pilihan-pilihan Presiden. Suara Yahudi kuat kerana kaya dan sebagainya.

Dengan sebab itu kita harus mencari semula punca masalah ini, kita harus berhati-hati dengan British dan Perancis. Kita jangan

sahaja hanya mengakui PLO sebagai satu badan yang berhak di antara 72 negara yang mengakui hak asasi negara itu kepunyaan Palestine. Jadi sekarang timbul dua soalan; pertama sekali ialah negeri yang diamanahkan kepada British pada tahun 1947 tetapi dengan wujudnya Perjanjian Balfour negara itu diserahkan kepada Yahudi oleh British. Yang kedua, sekarang ini Yahudi oleh sebab hendak menjaga kepentingan negaranya mula menganggap dan menakluki sebahagian besar negara Arab dengan perang 1967 dengan terjatuhnya tebing barat Sungai Jordan dan Semenanjung Gaza, juga Padang Pasir Sinai, Bukit Golan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, Bangsa-bangsa Bersatu sudah menuntut Israel supaya ia berundur ke Afghanistan sebelum perang tahun 1967 yakni mengembalikan balik hak-hak tanah tebing barat Sungai Jordan, Semenanjung Gaza, Bukit Golan dan juga Semenanjung Sinai. Maka telah menjadi jalan keluar dengan wujudnya Perjanjian Camp David. Dengan sebab itu saya sebagai satu bangsa atau kumpulan ASEAN umpamanya di negara ini kita bukan sahaja harus menyelesaikan masalah Kampuchea, kita juga harus menyelesaikan kepada masalah Timur Tengah terutama sekali negeri Palestine. Kita memohon supaya kita mengikuti penyelarasan yang dibuat oleh Bangsa-bangsa Bersatu, Israel mesti undur daripada garisan yang sebelum dia menyerang dalam tahun 1967.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus boleh memainkan peranan dengan negara British, dengan Perancis dan juga negara-negara Eropah yang lain. German Barat dan sebagainya supaya ianya sebulat kata dengan Amerika bagi menasihatkan Israel ini supaya dia undur kepada garisan sebelum perang tahun 1967, yakni mengembalikan semula tebing barat Sungai Jordan, Semenanjung Gaza, Bukit Golan dan sebagainya. Israel ini, mengikut Islam ialah satu bangsa yang sangat degil, ia dikutuk Allah dan dilaknati, ini tersurat dalam Quran alkarim. Mereka datang tiap-tiap tahun ke Baitul Muqaddis berkumpul di batu hitam Bethlehem, memohon Allah mengampuni supaya mereka boleh mungkir janji. Ini sudah dilakukan oleh Israel—Yahudi daripada beribu-ribu tahun

dahulu sehingga sekarang. Bahawa sudah pun tercatat bahawa Tuhan tidak akan mengizinkan tubuhnya negara Yahudi ini, akan tetapi Allah yang maha kuasa, permohonan hambanya juga diperkenankan. Apabila diperkenankan, wujudlah negeri Israel di Palestine, 1,200,000 orang bangsa Palestine, sekarang ini sudah menjadi papa kedana keluar daripada negaranya. Kata orang, merimpat di negeri sahabat, negeri warisan di Syria, di Lebanon dan sebagainya di bawah khemah-khemah kain untuk tertuduh. Saya pernah berpeluang menyaksikan sendiri dalam masa lawatan saya ke Timur Tengah di satu masa dahulu. tidak ada sekolah, tidak ada ketetapan, hanya bantuan dari negeri-negeri Arab, bantuan dari Bangsa-bangsa Bersatu tetapi apa yang mereka mahukan ialah simpati seluruh dunia supaya mereka boleh kembali semula ke negaranya sebagai hak asasi manusia mentadbirkan negerinya.

Baru-baru ini Saudi Arabia telah mengemukakan lapan perkara dalam Surat Damainya. Walaupun setengahnya ditentang oleh negara Arab sendiri. apatah lagi Israel tetapi tentangan itu hanya berdasarkan pengakuan wujudnya iktiraf, bahkan pada hari ini Saudi Arabia sendiri telah menafikan, mengujudkan, mengiktirafkan wujudnya Israel ialah bersama negeri-negeri Arab yang lain dan juga PLO, dengan sebab Amerika masih menganggap bahawa Perjanjian Camp David ini boleh menyelesaikan Palestine. Saya fikir keturunan, negara Israel ini tidak akan menerima keputusan Camp David itu, apa yang telah dirundingkan di antara Israel dengan Mesir sendiri. Tetapi inilah jalan keluar Mesir sendiri bagi memperolehi semula tanah-tanahnya di Semenanjung Sinai.

Dalam masa kita mengalu-alukan Kerajaan kita mengiktirafkan wujudnya pengakuan penuh, diplomatik penuh kepada PLO dalam negeri ini dan kita bantu memberi sebarang kemudahan kepadanya yang kita sifatkan ianya sama tarafnya dengan ahli-ahli diplomatik yang lain yang wujud ada kenegaraannya. Maka saya suka membawa perhatian Ahli-ahli sekalian, adakah pada dengan kita mewujudkan pengakuan penuh kita, diplomatik penuh kita kepada PLO yang mewakili rakyat Palestine sedangkan ikhtiar lain kita perlu buat. Kita perlu mencungkil,

kita mesti mendekati negeri-negeri Eropah, British, Perancis, Germany, supaya ianya mendesak Amerika dan negeri ini akan kelak mendesak Israel. Kita tahu permainan kuasa-kuasa besar akan tetapi sebagai negara kita yang kecil tetapi kita juga berjiwa besar, marilah Kerajaan kita mulakan membuat cara diplomatik yang boleh mengatasi masalah ini.

Saya tidak fikir bahawasanya negeri-negeri Arab kekurangan wang. Arab masih banyak wang yang boleh dicurahkan, hanya kita menyeru negeri Arab supaya mereka jangan berpecah belah. Israel hanya ada 1 milion sahaja di Palestine, lebih 50 juta bangsa Arab yang ada di Afrika dan di Timur Tengah, kalau ibarat menonjol satu benda yang berat dengan sekali tonjol dia boleh tercampak. Tetapi Arab sendiri sekarang ini yang berpecah belah. Oleh sebab Islam adalah bersaudara marilah kita bersama-sama merayu kepada Kerajaan kita supaya ianya menjadikan dirinya sebagai seorang yang boleh menonjolkan walaupun pada hematnya, pipi tak mancung hidung tersorong-sorong, biarkan-biarkan. Apatah lagi kalau boleh menarik negeri-negeri ASEAN ini sendiri, apa yang kita buat ini adalah tuntutan daripada ASEAN umpamanya, suara-suara yang telah diakui oleh dunia bahawa satu suara yang di rantau Asia ini sebagaimana juga kita hendak menyelesaikan negara Kampuchea, negara Vietnam dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak akan keseorangan dalam masalah ini, jikalau kita mula membuat gagasan bahawa negara ASEAN mesti mendapat sokongan bagi membela negara ini selain daripada Kampuchea. Saya tidak bercakap dalam segi emotional tetapi kita berdasarkan kepada hukum dan undang-undang alam. Hanya saya memberi satu pandangan, apakah tindakan selanjut selain daripada kita mengakui wujudnya diplomatik sepenuhnya kepada PLO yang ada di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, inilah satu suara yang patut kita buat, kita lakukan, usaha kita, dan kita dengan tidak berselindung bahawa kita menentang dan kita menjemput negara ASEAN mengkaji masalah ini bagi dikemukakan kepada Persidangan Antarabangsa dan mencari jalan lain daripada

apa yang diputuskan di Bangsa-bangsa Bersatu itu bagi dapat menyelesaikan masalah ini. Walaupun soal ini soal rumit, akan tetapi bagi kebaikan Islam seluruh negara dalam persidangan semua negara-negara Islam, pernah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah menzahirkan dalam ucapannya supaya ummat Islam itu bersatu mengikut kehendak Al-Quran. Ini secara tidak langsungnya ia telah menasihatkan semua negara Islam supaya satu tujuan dan satu hakikat bagi mengembalikan maksud yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga secara langsung memperkatakan kalau bukanlah itu hak saya katakan, saya mohon maaf, Tuan Yang di-Pertua—negeri Arab sendiri mesti bersatu: Saudi Arabia, Jordan, Syria, Lebanon Negeri-negeri Arab dan Teluk juga termasuk Mesir. Kalau selagi negeri Arab tidak bersatu bersama atas nama wujud bangsa Arab, Yahudi tidak akan malu kepada negeri Arab walaupun ianya negara minyak. Inilah amaran yang patut kita berikan kepada negeri-negeri Arab walaupun ianya menerimanya dengan pedih.

Walaupun ia menerima dengan rasa hati yang berat, kita mesti memperkatakan Arab tidak bersatu. Diplomati kita mesti menjalankan ini, Kerajaan kita mesti menyatakan walaupun kita dapat bantuan pinjaman dari negeri Arab. Biarlah kita katakan Arab mesti bersatu, jangan bercakaran di antara sama sendiri. Tidak ada Kerajaan yang beritahu Arab ini, tidak ada Kerajaan yang beritahu bangsa Arab, yang mereka dalam bercakaran. Mereka fikir dengan kekayaan mereka itu, mereka boleh hidup berseorangan. Dunia sudah makin sempit. Sejuta orang Israel, Yahudi di Palestine boleh mengalahkan keadaan yang begitu lama; tidakkah ini memalukan Islam? Walaupun kalau sekiranya perlu kita pakai jubah, atau pun serban masuk memberi nasihat kepada sahabat kita negeri-negeri Arab supaya mereka boleh bersatu, jangan bercakaran. Dunia Kristian, Tuan Yang di-Pertua, semua dunia-dunia lain memandang dan lihat sahaja.

Kita tahu Israel ialah suatu kekuatan bangsa kecil tetapi mempunyai ekonomi yang teguh di Amerika terutama dalam pilihan Presiden,

suara Yahudi didengar. Reagan tidak boleh menang jikalau tidak dapat sokongan daripada Yahudi. Waima siapa yang mahu jadi Presiden Amerika, dia mesti dapat sokongan Yahudi; Yahudi itu ke negeri kita dengan nama Amerika. Yahudi ini bekerja dengan kita kadang-kadang atas nama Amerika. Saya pernah mengetahui seorang Yahudi Amerika berkhidmat di Universiti Kebangsaan, sebab saya membawa seorang pelancung Yahudi yang menggunakan passport Australia.

Tuan Yang di-Pertua, inilah hujjah saya dalam masa saya menyokong Bil ini, sesungguhnya Bil ini tidak perlu kita perbahaskan banyak, akan tetapi saya menyarankan kepada Kerajaan supaya pertama mencari ikhtiar mengatasi masalah mendekati kita dengan cara diplomatik dengan Amerika, dengan Britain, France dan Italy umpamanya. Dan yang kedua, hendaklah kita memberitahu kepada sahabat kita Arab bahawa tuan-tuan tidak bersatu walau dia kaya, walau dia millionnaire, walau dia saudara kita, dia salah, kita perlu tegur, sebab Islam itu adalah persaudaraan.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali orang Arab sendiri tidak sedar apa yang mereka lakukan ini yang boleh melemahkan negerinya. Segala kekuatan penuh kepada Arab, wang yang banyak, minyak yang banyak yang boleh menentukan ekonomi dunia, sedangkan itu sedangnya, Israel tidak malu, apatah lagi telaga minyaknya kelak akan kering umpamanya, sebab itu adalah harta Allah dan pada itu orang Arab sendiri, bangsa Arab, Kerajaan-kerajaan Arab sendiri akan menadah ke langit menyesali kaedah yang sudah-sudah.

Saya percaya terus terang, Tuan Yang di-Pertua, saya bertanggungjawab dengan apa yang saya cakap. Walaupun saya tidak merantau di negeri Arab, saya tidak pernah melawat ke negeri Arab umpamanya, biarlah saya nyatakan bahawa Islam itu saudara maka saya kira tempat yang saya katakan maka saya minta Kerajaan negeri kita akan memulakan peluang ini, rancangan ini mendekati semula cara diplomatik yang lebih berkesan, masalah ini dengan British, dengan Amerika, dengan Perancis, kerana kita telah mengakui Palestine adalah hak Palestine. Kita telah

mengakui wujudnya diplomatik penuh rakyat itu dalam negara kita ini sekarang.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, berilah tahu kepada saudara kita Kerajaan-kerajaan Arab supaya mereka jangan bercakaran sendiri, walaupun risikonya kita akan tanggung tetapi biarlah kita berani kerana benar, takut kerana salah, Allah akan melindungi mereka yang ikhlas dan benar.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya pendekkan ucapan saya, saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini dengan hati yang rendah diri.

5.47 ptg.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Saya juga bangun, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengambil bahagian dalam perbahasan meminda Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan) 1966.

Sebagaimana yang dijelaskan oleh pihak Kementerian tatkala membentangkan Rang Undang-undang ini, tujuan yang utamanya ialah kerana hendak mengangkat taraf perwakilan PLO kepada diplomatik penuh di negara kita. Jadi dengan sebab itulah Rang Undang-undang ini terpaksa dipinda supaya sesuai dengan keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tatkala menyokong pindaan ini, saya teringat kepada beberapa perkara.

Berkenaan dengan PLO ini sebagaimana yang diucapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat saudara-saudara saya yang terdahulu daripada saya, tetapi di dalam perkara diplomatik memang negara kita di dalam Undang-undang patut dipinda untuk menyesaikannya pada setiap masa. Kerana kita melihat di dalam dunia ini, keadaan-keadaan di antara satu negara dengan satu negara berubah-ubah dengan cepatnya. Kadang-kadang perhubungan di antara satu negara dengan negara yang bertaraf Duta dengan tidak semena-mena jatuh tarafnya menjadi Kuasa Usaha sahaja, daripada Kuasa Usaha, jatuh lagi hingga terputus. Kemudian apakala naik satu Kerajaan baharu pula, apa yang telah terputus itu ditangkap, dihubung balik dan perhubungan itu kadang-kadang

dinaikkan taraf lebih daripada sedia. Begitulah di dunia maka begitulah juga saya fikir negara kita pada masa yang akan datang, harus di dalam perhubungan kita dengan dunia luar pada hari ini kita membuat perhubungan yang sama setaraf Duta sama Duta, tetapi ada kalanya barangkali kita akan menurunkan Duta kita kepada taraf Kuasa Usaha sahaja, kerana ada kalanya kita akan memutuskan perhubungan dan ada kalanya kita akan menaikkan lagi tarafnya itu lebih daripada itu lagi. Jadi perkara itu biasa berlaku di dalam dunia.

Kita melihat misalnya apa yang berlaku di antara Amerika dengan Iran. Perkara ini macam mimpi, Tuan Yang di-Pertua. Iran negara yang mempunyai kekayaan yang mengeluarkan minyak nombor dua dalam dunia yang dipengaruhi oleh Amerika, tetapi dengan tidak semena-mena dengan adanya revolusi di dalam negeri itu, apakah pihak puak-puak ugama telah menguasai negeri Iran diketuai oleh Ayatollah Khomeini, maka perhubungan di antara Amerika dan Iran telah putus. Bukan setakat itu sahaja, tetapi pegawai-pegawai kedutaan Amerika telah ditangkap dan menjadi orang-orang tebusan, berlawan sama sekali, Tuan Yang di-Pertua, dengan Vienna Convention yang mana yang dikatakan tadi, kerana mengikut Vienna Convention orang-orang diplomatik memang tidak boleh disentuh, mereka itu adalah orang-orang yang terhormat, mereka mesti diberi kehormatan dan tidak boleh disentuh taraf mereka. Tetapi begitulah yang telah berlaku bukan sahaja taraf kedutaan Amerika di Iran telah disentuh tetapi mereka itu telah dikurung selama 44 hari. Ini dalam sejarah mencatatkan 44 hari, 52 orang pegawai-pegawai kedutaan Amerika ini di Iran telah dikurung dan ditahan. Walaupun Amerika mencuba hendak melepaskannya akhirnya tidak dapat tetapi pada akhirnya dengan satu akuan daripada Amerika, wang-wang yang dibeku itu hendak dicairkan balik, barulah dilepaskan, selepas daripada Presiden yang lama itu kalah di dalam pilihanraya, naik Presiden Reagan maka perkara-perkara yang berlaku ini adalah menjadi satu tauladan kepada negara kita.

Jadi Rang Undang-undang ini dipinda kerana hendak mengangkatkan PLO menjadi taraf diplomatik penuh, saya adalah

menyokong penuh, kerana sebagaimana yang diterangkan oleh saudara-saudara saya yang lepas, orang-orang di Palestine ini adalah orang-orang yang menjadi rakyat, yang menjadi mangsa kepada pengorbanan kemanusiaan. Manusia mempunyai semangat, mempunyai kasihan belas, tetapi manusia juga mempunyai semangat kebinatangan.

Di satu masa manusia adalah dirinya seorang yang kasih sayang, seorang yang kasihan belas dan sebagainya, tetapi di satu masa kita dapati manusia itu juga akan mempunyai sifat yang begitu baik, menjadi seperti seekor binatang buas dengan tidak menghirau mangsanya. Begitu juga Kerajaan-kerajaan di dunia ini. Apa salahnya rakyat Palestine? Tuan Yang di-Pertua, rakyat-rakyat Palestine semasa belum perang dunia yang pertama adalah di bawah takluk Turkey, sama dengan negeri-negeri Arab yang lain. Kalau negeri Iraq ditakluk oleh Turkey, negeri Algeria, Maghribi, Syria dan lain-lain maka Palestine juga ditakluk.

Di dalam Peperangan Dunia Pertama negeri Turkey yang menakluki negeri-negeri yang tersebut telah kalah bersama-sama dengan negeri Jerman. Nasib dia tidak baik, Tuan Yang di-Pertua, jadi segala jajahan takluknya itu telah dirampas dan dibahagi-bahagikan oleh negara-negara yang menang. Syria diserahkan kepada Perancis, Palestine diserahkan kepada British, Mesir kepada British, Libya kepada Itali, Maghribi kepada Perancis. Begitulah gayanya negara-negara Arab ini telah dicaing-caing dan dibahagi-bahagikan sama juga dengan kita, Malaysia. Malaysia walaupun tidak berperang tetapi kita telah dicaing-caing dari Negeri-negeri Melayu Bersatu di bawah kepulauan Melayu ini iaitulah Tanah Melayu ini diserahkan kepada perintah British. Manakala Indonesia di bawah perintah Belanda, Timur-Timur di bawah perintah Portugis dan Filipina di bawah Amerika. Ini kita baca di dalam sejarah.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap negeri yang di bawah jajahan mesti berusaha supaya memerdekakan dirinya maka oleh kerana negara Palestine ada pertaliannya dengan sejarah kaum Yahudi, kaum Yahudi yang sudah tidak ada mempunyai negaranya lagi telah berpindah randah ke Amerika, ke

Jerman, Russia sampai kepada kepulauan Melayu. Tetapi kaum ini bersatu, ia tidak merobahkan sifatnya Yahudi, mereka itu telah pindah dengan banyak ke Amerika.

Di dalam Peperangan Dunia Kedua, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana British yang menjajah negara-negara, Perancis yang juga menjajah negara di Timur Tengah itu kerana gerun kepada kekuasaan Jerman di bawah Hitler telah melepaskan kebanyakan negara-negara itu merdeka. Jadi Perancis telah melepaskan Syria menjadi sebuah negara merdeka. British melepaskan Iraq menjadi negara yang merdeka, tinggal Palestine. Jadi Palestine tidak dilepaskan kerana ada pertalian dengan Yahudi. Banyak di antara rakyat British sendiri adalah terdiri daripada kaum Yahudi sehingga daripada rakyat biasa sampai kepada orang kaya-kaya dan kepada pembesar-pembesar negaranya. Banyak Lord-lord di England itu terdiri daripada orang-orang Yahudi dan banyak pula orang Yahudi ini pergi ke Amerika merupakan orang kaya. Jadi dengan sebab itulah apakala negeri Palestine hendak dimerdekakan kaum Yahudi menuntut sebagai negara dia. Jadi pihak British serba salah hendak beri kepada Yahudi bimbang kepada negara-negara Arab yang lain marah kerana, dia sebahagian daripada negara Arab. Tidak diberi kepada Yahudi maka pihak British banyak menerima wang pinjaman dalam masa perang, banyak wang Yahudi telah diberi kepada British. Ya tak yanya, terpaksa pihak British memainkan polisi muka dua selepas Perang Dunia Kedua. Jadi selepas diterima masuk Yahudi dengan banyaknya dalam Palestine, pada tahun 1948 pihak British serahkan dan lepaskan Palestine macam kata orang berlumba: "Pat-pat alih, siapa cepat dia boleh." Ini di dalam sejarah dunia, Tuan Yang di-Pertua. Ini satu perkara yang ajaib, satu perkara yang aneh telah tercatat di dalam sejarah. Bagaimanakah satu kuasa besar macam British yang boleh mengalahkan Hitler dan Jerman ini tiba-tiba dalam perkara Palestine tidak berani dia hendak memberi satu keputusan. Melainkan dilepaskan sahaja apabila sampai saatnya. Biar berlawan di antara Arab dengan Yahudi. Maka sudah tentulah orang-orang Yahudi menang sebab di belakang Amerika. Nasib tidak baik pula pada masa itu orang Arab ini tidak berbaik

dengan Russia, jadi dua kuasa besar ini satu Amerika, satu Russia, pada hari itu juga apakala British keluar daripada Palestine, pada hari itu juga mengakui negara Israel. Dan orang-orang Palestine dengan senang sahaja dihambat kerana negara-negara Arab lemah dengan negara-negara Arab mementingkan diri sendiri. Jadi dalam sejarah ini kalau kita baca orang Islam menerima sahajalah, minta doa sahajalah. Maka doa dengan tidak disertakan dengan perbuatan itu payah hendak dimakbulkan oleh Tuhan, Tuan Yang di-Pertua. Doa sebagai doa semata-mata.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Nanti dahulu Yang Berhormat.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara 11 (1), Dewan ini ditangguhkan pada pukul 6.30 petang ini.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara 11 (1), Dewan ini ditangguhkan pada pukul 6.30 petang ini.

RANG UNDANG-UNDANG KEISTIMEWAAN DIPLOMATIK (KONVENSYEN VIENNA) (PINDAAN)

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Jadi pada hari yang sama sahaja negara Israel telah dapat pengakuan diiktiraf oleh Amerika, diiktiraf oleh Russia, diiktiraf oleh

negara Perancis, British dan lain-lain lagi. Manakala orang-orang Palestine sendiri bertaburan tidak dapat menubuhkan Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua. Ini satu perkara yang ajaib. British keluar daripada Palestine berebut menyerahkan kepada kedua bangsa ini. Apakala berebut pada satu hari kuasa-kuasa besar telah mengiktirafkan negara Yahudi—Israel. Kemudian tidak mengiktiraf Palestine. Pada hari itu juga—pada hari yang sama—Jordan telah pergi mengambil tebing sebelah barat menjadi miliknya, Mesir telah mengambil Gaza di pantai Mediterranean, apa yang tinggal pada rakyat Palestine. Jalan yang moleknya Bangsa-bangsa Bersatu iaitu dengan jalan mengutip derma kerana mengadakan khemah-khemah untuk pelarian Palestine (Palestnian refugees). Itulah sahaja jalan yang tulin. Inilah nasib kepada kaum Palestine.

Kemudian daripada tarikh itu, Tuan Yang di-Pertua, Yahudi telah menguatkan dirinya, Amerika telah mencurahkan bantuannya dengan tidak terkira-kira lagi. Orang-orang Yahudi di Amerika yang kaya raya itu menderma dan sebagainya. Manakala orang-orang Arab pada masa itu ditambah pula minyak belum berapa keluar lagi, jadi masing-masing bercakap besar. Bercakap besar mengatakan hendak halau Yahudi, hendak campak Yahudi di Laut Mediterranean dan sebagainya. Yahudi, mengikut berita di dalam suratkhbar pada masa itu mengadu kepada Bangsa-bangsa Bersatu: Kita kaum yang kecil, bangsa yang kecil, di negeri yang kecil dikelilingi oleh negeri yang besar iaitulah oleh Syria, Mesir, Saudi Arabia dan sebagainya. Mereka itu hendak mencampakkan kita ke dalam laut. Tetapi di sebalik itu dia menguatkan dirinya. Maka di dalam tahun 1957 orang-orang Yahudi telah menyerang orang-orang Arab itu sendiri. Apa hasilnya? Hasilnya iaitu tebing barat Sungai Jordan sudah dapat ditakluk seluruhnya oleh Yahudi. Jordan balik ke negerinya di Sungai Jordan itu, di tebing barat Sungai Jordan yang sebesar negeri Jordan juga itu terserah kepada Yahudi. Mesir bukan sahaja hilang Gaza tetapi Semenanjung Sinai, hilang segalanya di zaman Allahyarham Jamal Abdul Nasir, Tuan Yang di-Pertua. Begitulah

gayanya peperangan yang berlaku bukannya Yahudi tercampak tetapi yang tertelannya orang Arab—orang Islam. Manakala kita ini berdoa lagi minta kepada Allah s.w.t., begitulah keadaannya dengan suara yang lantang.

Allah humma.....muslimat wal muslim.

Allah humma.....ahli kufarata wal musyrikin.

Dengan suara yang bersungguh-sungguh minta kepada Tuhan. "Hai Tuhan, musnahkan kafir musyrikin itu, tolonglah orang-orang Islam." Dengan semangat yang macam ini apa gunanya, Tuan Yang di-Pertua. Allah s.w.t. berfirman:

Fakul a' malu fasayarallahu amalukum warasuluh.

Tuhan kata: "Kamu orang Islam kena bekerja bukan mesti doa itu dengan teori sahaja; doa: "Ya Allah, Ya Allah" dengan suara yang kuat, dengan suara yang bersemangat. Ini semua tidak berguna. Bekerjalah, kalau orang Yahudi boleh bekerja, orang Yahudi boleh memikul senapang, Yahudi boleh memikat Amerika, kenapa kamu tidak memikat? Kenapa kamu tidak buat begitu? Sebab itulah apakala sedarkan semangat ini Mesir sudah menguatkan dirinya. Apakala orang Yahudi menang sahaja dia dapat menakluki Semenanjung Sinai serta dengan Terusan Suez yang menjadi urat nadi kepada Mesir dan kekayaan kepada Mesir tiap-tiap hari itu maka dia sudah membinakan satu kubu yang maha besar yang dinamakan Bar Lev Line. Bar Lev Line ini yang diletakkan kepada invincible Bar Lev Line. Bar Lev Line yang tidak akan kalah di Terusan Suez itu yang dibelanjakan bukan berjuta tetapi ribu-ribu juta dan sebagainya. Itulah yang telah dibuat. Tetapi President Anwar Sadat dengan imannya yang kuat, dia latih orangnya, berserah kepada Allah s.w.t. maka di dalam tahun 1963 dia telah menyerang balik Terusan Suez maka Bar Lev Line yang dikatakan invincible itu maka pada akhirnya telah dikalahkan oleh Allahyarham Presiden Anwar Sadat. Begitulah gayanya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, dengan sebab itulah apakala lepas Presiden Anwar Sadat

mengambil balik Terusan Suez dia sudah menguatkan kekuatan askar dia begitu begini, baharulah Yahudi takut, baharulah dia mahu berdamai dengan President Anwar Sadat, baharulah dia mahu berdamai dengan Mesir, baharulah dia mahu serah balik Padang Pasir Sinai kepada, Mesir padahal Padang Pasir Sinai inilah tempat Nabi Musa munajat kepada Allah s.w.t. Tersebut dalam Quran: Watiinii wazzaitun. Wathurisiniina wahazalbaladilamin. Ada tersebut. Kalau boleh orang Yahudi tidak mahu serah balik.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, minta dimaknakan dalam bahasa Malaysia, saya mohon izin.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat?

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Boleh, kalau dibenarkan tetapi panjanglah. Allah s.w.t. berfirman: Watiinii—Allah s.w.t. bersumpah dengan buah tin, wazzaitun—buah zaitun, wathurisiniin—dan Bukit Thursina yang ada di Semenanjung Sinai itu tempat Nabi Musa a.s. munajat kepada Allah s.w.t. yang dia mendapat perintah sepuluh rukun (The Ten Commandments). Daripada bukit situlah dia dapat, maka di situlah tempat yang bersejarah sekali kepada kaum Yahudi. Pada adatnya Yahudi tidak akan serah tetapi melihatkan keazaman orang-orang Mesir, melihat kekuatan Mesir terpaksa dia mengalah walaupun dengan membuat Perjanjian Camp David. Kemudian negara-negara Arab yang lain marah kerana dengan Camp David ini dikatakan Mesir menyerah kalah. Jadi, itulah sudah, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam masalah politik sama juga di dalam masalah perniagaan orang memandang dengan berbagai-bagai segi. Kalau sekiranya meja yang depan ini, Tuan Yang di-Pertua tengok meja itu daripada sebelah timur sini, lain; saya yang melihat meja ini daripada sebelah timur ke barat lain.

Kalau Tan Sri bertanya saya, bagaimana rupa meja ini yang diduduki oleh Setiausaha kita? Saya kata meja ini adalah tumpat, meja ini walaupun bersegi tetapi tumpat semua sekali, Tan Sri kata tidak, meja ini adalah bukan tumpat, ada beruang—kosong. Fasal

apa, kerana Tan Sri lihat daripada timur ke barat, saya melihat daripada barat ke timur—betul belaka (*Ketawa*). Begitulah juga politik-politik negara, jadi hendak dimarahkan Mesir itu tak betul, kerana Mesir ini memandangkan dalam masa dia ini tak payah lagi dia berperang dengan Israel mengambil Sinai, Israel akan serah balik kepada dia. Kalau dia berperang dengan Israel mengambil Sinai, maka akan mengambil masa yang panjang, akan membelanjakan belanja yang banyak dan akan memakan korban yang banyak. Sebab itulah polisi dia baik kita buat perdamaian dengan dia, dia akan serahkan kepada kita Semenanjung Sinai, kita tidak rugi apa-apa. Di samping itu Yahudi akan menyerahkan pula tebing barat kepada pihak Palestine. Kata Mesir ini sudah satu usaha yang baik pada pandangan Mesir.

Kemudian tentang tak puas hati terpulanglah kepada orang kemudian, takkanlah seseorang itu hidup menongkat langit, Sadat kata dia akan mati, dia akan berhenti, terpulanglah kepada orang-orang kemudian pula. Memang betul sejarah mengatakan begitu. Kalau kita tengok di dalam sejarah dunia sama ada peperangan dunia yang pertama, yang kedua begitu. Pada masa negeri Jerman dikalahkan di dalam peperangan dunia yang pertama, memang tidak dibenarkan negeri ini membuat senjata. Jerman sign memang tak boleh buat senjata tetapi selepas peperangan, apakala naik muncul Hitler sahaja, dia buat senjata. Apakala bangsa-bangsa ini mengingatkan Jerman bahayanya dibuat senjata. Jerman kata, baik kita bela, boleh tegah kita tetapi kita akan bayar dengan muncung senapang, silakanlah. Kita sign dahulu pada masa itu kita lemah, sekarang ini kita kuat. Ini zaman Hitler, Hitler memerintah Jerman, tak ada satu pun negara-negara itu menekan Jerman sehingga berlaku peperangan dunia yang kedua.

Begitu juga di dalam peperangan dunia yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, apakala Jepun menyerah kalah telah dipaksakan. Jepun tidak boleh menubuhkan angkatan perangnya, cuma pulih sahaja. Jepun surrender, dia ikut tetapi Jepun telah menguatkan dirinya dengan ekonomi sehinggakan dia telah menjadikan bapa

ekonomi di seluruh Asia bahkan mengatasi Amerika dan Eropah. Sekarang ini Amerika pergi tabik dia, tolong buat angkatan perang kerana takutkan kepada Russia. Amerika tak sanggup lagi hendak mengeluarkan wang begitu banyak kerana menjaga negeri Jepun, minta tolong Jepun membinakan angkatan perangnya sama ada angkatan perangan sama ada angkatan darat, angkatan laut, begitu jugalah politik-politik Mesir buat. Jadi kita tidak boleh marah kepada Sadat, fasal dia buat perjanjian Camp David. Pada masa dia dibuat begitu, pada masa orang yang kemudian, Mesir membuat kilang senjatanya, barangkali dia boleh buat lebih daripada bom atom. Pada masa itu dia boleh dalam masa sekelip mata dan sebagainya. Jadi atas orang yang marah itu, itu terpulang kepada diri masing-masing. Memang tiap-tiap seorang itu ada polisinya, polisinya ini boleh jadi betul dan boleh jadi tak betul, kerana manusia ini sama ada macam manapun dia cuma memikirkan, dia mentadbirkan maka Tuhan sahajalah yang mentakdirkan. Di dalam bahasa Arab, minta izin, Tuan Yang di-Pertua, dikatakan: "Nahnu yudabbir wallahu Yuqaddir" (Kita mentadbirkan sahaja, Tuhan sahajalah yang mentakdirkan). (Man proposes, God disposes). Jadi manusia dia boleh buatlah apa dia boleh.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini kita berbalik, kasihan umat Palestine yang sudah bercempera. Negara-negara Arab kita tabik kepada mereka itu memberi sokongan kepada orang-orang Palestine ini tetapi umat Palestine kasihan betul yang duduk di negeri Jordan. Apakala didapati orang-orang Palestine di negeri Jordan ini memikul senapang dan nampaknya ada sedikit sahaja hendak menyeleweng, mereka itu dihalau daripada negeri Jordan. Apakala mereka itu di negeri Mesir begitu juga, tak bersefahaman, mereka itu telah dihalau, tinggallah orang-orang Palestine ini yang boleh sedikit di dalam negeri Lubnan. Negeri Lubnan adalah negeri yang paling kecil di antara negara-negara Arab, maka dia berbelah dua di antara negerinya berpecah dua: satu bahagian penganut-penganutnya Islam, satu bahagian lagi penganut-penganutnya Kristian, jadi duduk pula yang ketiganya ialah orang-orang Palestine dengan umatnya. Maka kita tengok daripada tarikh

dahulu sampai sekarang tak pernah senang, tak pernah tenang, tak pernah aman di dalam Lubnan pada hal Lubnan ini di dalam sejarah negara-negara Arab dikatakan dia itu "Paris bagi Timur Tengah". Orang-orang Arab di sanalah tempat makan anginnya, tempat sanalah mereka itu berpenglipur laranya tetapi pada masa sekarang ini sudah menjadikan Lubnan itu neraka bagi Timur Tengah. Orang-orang kayanya lari ke Amerika, orang-orang yang berada lari ke negara lain, tinggalkan rumahnya menjadi padang jarak padang terkukur yang menjadi tempat bagi bom atom bertelor di situ. Itulah dahsyatnya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi orang-orang Yahudi sudah begitu, maka kita alhamdulillah. Sebab itulah disanjung tinggi negara Malaysia yang telah menarik pandangan daripada mula lagi memberi taraf kepada PLO yang mewakili Palestine. Maka negara Malaysia ini telah mendapat penghargaan yang tinggi pada pandangan negara-negara Islam yang lain, lebih-lebih lagi pada pandangan negara-negara Arab.

Tetapi apa yang saya susah hati di sini orang di dalam negara Yahudi ini panggil negara "Izrael". Izrael ini jangan dipanggil—ini salah, Izrael ini nama satu daripada Malaikat yang ke 10, tukang cabut nyawa orang—Izrael. Sebab itulah di dalam nyanyi-nyanyian macam "Selimut Puteh"—"bila Izrael datang, menggigillah tubuh", memang siapa pun bila Izrael datang kita pun menggigil kerana dia datang hendak ambil nyawa. Jadi yang sebenarnya "Israel", bukan Izrael", bukan Izrael—Israel. Dalam Quran memang kata Israel: "Ya bani Israel" (Hai anak cucu Israel). Israel itu bahasa Surani, maknanya Israel ialah hamba Allah. Jadi kita tak usah sebut Izrael, kita mesti kata Israel walaupun orang British pelat dia kata Izrael, ikut pandai dia. Kita tak boleh, orang Islam tak mahu katakan dia Izrael, mesti kata Israel juga.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Hussain: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri penerangan. Saya menyebut "Israel" sebab lidah saya pun lidah Melayu—wa-Israel. (*Ketawa*)

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Bagus, terima kasih. Jadi makhrajnya lebih tepat daripada saya lagi jadi dia mahu Israel sebagaimana dalam Quran

kena "mad" pula baik, tetapi tidak Melayu ini tak ada "mad" begitu panjang (*Ketawa*). Cuma saya hendak menyebutkan lagi walau macam manapun kita orang Islam, Tuan Yang di-Pertua, orang-orang Islam ini kita ada kepercayaan, iaitu walau macam mana sekalipun kita akan menang di akhir zaman, tak usah bimbang, walaupun orang Islam ditindas, walaupun orang Islam ini dizalimi, insya Allah kita akan menang bagaimana dalam satu hadis berkenaan dengan negara Israel di Palestine.

Ada satu Hadis, Sabda Nabi S.A.W. yang bererti "Pada akhir zaman, kamu akan memerangi Yahudi sehingga batu bercakap memberitahu. Katanya, "Di sini ada Yahudi bersembunyi." Demikian Nabi s.a.w. sendiri memberitahu kepada orang Islam, pada akhir zaman orang Islam mesti berperang dengan Yahudi. Pada masa itu dengan sebab hebatnya peperangan itu, batu pun bercakap, Tuan Yang di-Pertua. Apakah orang Yahudi bersembunyi di tepi batu itu, batu itu memberitahu: di sini ada Yahudi bersembunyi, tetapi masanya belum sampai lagi, banyak di antara apa juga yang dikatakan oleh Rasulullah s.a.w., banyak lagi perkara yang belum berlaku—ada yang telah berlaku. Maka satu daripada perkara yang belum berlaku itu ialah peperangan di antara orang Islam dengan Yahudi. Maka peperangan seperti Mesir—Yahudi itu peperangan belum sampai kepada darjat yang dikatakan oleh Nabi s.a.w.

Banyak Hadis-hadis yang dikatakan oleh Nabi s.a.w. yang memberitahu pada akhir zaman akan berlaku berbagai perkara, insya Allah semuanya akan berlaku. Jadi dengan sebab itu, tidak peliklah Yahudi buat apa dia hendak zalimpun tetapi kita walau macam mana pun Kerajaan Malaysia telah sedar, Kerajaan Malaysia telah mengambil inisiatif mengangkat taraf diplomatik PLO itu. Ini satu perkara yang akan dikekalkan di dalam sejarah dan perkara ini akan tercatat di dalam sejarah dan akan mendapat kepujian oleh umat Islam sekalian, sama ada orang lain bersetuju atau tidak—Walahu mutimmu-nuri walau-karihal kafirruun. Demikian dinyatakan di dalam Al-Quran.

Jadi saya tidaklah bercakap banyak lagi, melainkan saya bangun di sini menyokong

undang-undang ini. Saya katakan memanglah masanya sudah sampai, pindaan yang dibuat ini kena pada masanya, bukan sahaja bagi faedah PLO dan juga kepada ahli-ahli diplomatik yang lain.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

6.24 ptg.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat hendak mengambil masa yang panjang bagi membincangkan Rang Undang-undang ini tetapi saya hendak mengambil sedikit-sebanyak peluang ini iaitu bagi menyahut seruan Menteri semalam yang telahpun meminta kepada sidang Dewan Negara ini supaya menyokong akan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966 yang mana mengikut Huraian bertujuan memasukkan seksyen 3A baru ke dalam Akta yang akan membolehkan Yang di-Pertuan Agong membuat satu perintah memperuntukkan supaya Akta ini dipakai bagi badan atau entiti politik tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyanjung tinggi di atas usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia kita yang memberi pengurniaan taraf diplomatik penuh kepada PLO di Kuala Lumpur ataupun di Malaysia ini yang mana kita tahu negara Palestine—dalam hal ini bukanlah saya menaruh emosi dan sebagainya—tetapi adalah negara Islam sebagaimana kata pepatah Melayu cubit peha kiri, peha kanan terasa sakit juga. Oleh hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya dalam Dewan yang mulia ini sama-sama menyokong penuh di atas Rang Undang-undang yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri semalam. Di samping itu beliau telah menerangkan 2/3 daripada keanggotaan Bangsa-bangsa Bersatu menyokong sebagai wakil tunggal mewakili rakyat Palestine, PLO juga mempunyai perwakilan di 70 buah negara yang mana telahpun mengiktiraf akan PLO ini. Kita telah mendengar ucapan dan perbahasan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Dewan ini terdahulu daripada saya, kita tahu penderitaan yang telah dialami oleh rakyat Palestine yang mana mereka berjuang dengan tujuan untuk mengambil hak mutlak atau hak asasi

kemanusiaan kembali ke tangan atau negara mereka sendiri. Mereka berjuang bertitisan darah, bermati-matian meminta belas kasihan kepada negara-negara luar tetapi Al-Hamdulillah 70 negara ataupun $\frac{2}{3}$ telahpun mengiktiraf PLO termasuklah negara kita mengiktirafkannya pada masa sekarang ini.

Perjuangan rakyat Palestine adalah perjuangan suci, perjuangan menegakkan agama dan merebut negara. Saya ada membaca kata-kata pujangga: Tidak ada satu barang yang lebih mahal daripada kemerdekaan dan tidak ada kebahagiaan yang lebih besar daripada menunaikan kewajipan. Rakyat Palestine, PLO telahpun menunaikan kewajipan itu. Oleh itu, kita sebagai umat Islam, begitu juga kita yakin iaitu Baitul-Muqaddis dan masjid al-Aqsa yang mana itu keagungan umat Islam telahpun diambil oleh Israel—saya minta maaf kalau tersasul cakap pula: Israel. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, di samping kita menyokong, saya bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain kita juga tidaklah menadah tangan meminta kepada Allah s.w.t. semata-mata jika kita tidak sama-sama berusaha. Oleh itu, saya sama-sama meminta kepada Allah s.w.t. yang Maha Agung supaya pengorbanan ataupun

cita-cita rakyat Palestine untuk mengambil kembali negara mereka mendapat restu lambat-laun daripada Allah. s.w.t.

Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri semalam beliau telahpun menyentuh sejak tahun 1957 Kerajaan kita telah memberikan sumbangan setiap tahun kepada United Nations Relief Work Agency untuk memberikan bantuan untuk pelarian Palestine di khemah-khemah Bangsa-bangsa Bersatu di Asia Barat sebanyak \$5,000 setiap tahun, kalau tidak silap saya, kalau salah tolong betulkan. Tuan Yang di-Pertua, saya fikir bantuan \$5,000 itu tidaklah mencukupi kalau benar-benar kita mahu menolong; janganlah sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja. Saya mencadangkan ataupun mengesyorkan bukan sekadar \$5,000, kalau boleh \$50,000 ataupun \$500,000.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 18hb Januari, 1982.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.